


[TELAH DISEMAK]

Jilid 1
Bil. 6

Isnin
10 Julai 1995



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN DEWAN NEGARA

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

[Ruangan 1]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994 dan 1995)
1995

[Ruangan 21]

Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan)
1995

[Ruangan 37]

Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 1995

[Ruangan 52]

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Timbalan Yang di-Pertua, DATO' ADAM BIN KADIR, D.I.M.P.
(Dilantik).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK CHONG KAH KIAT,
P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M.
(Pulau Pinang).
- .. TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG, A.M.N. (Dilantik).
- .. TUAN MICHAEL BONG THIAM JOON, A.B.S., J.B.S. (Dilantik).
- .. TUAN CHONG CHI SIONG *alias* CHONG FAH (Negeri Sembilan).
- .. TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE, A.D.K. (Sabah).
- .. TUAN DING SELING (Dilantik).
- .. TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).
- .. TUAN HAJI GHAZALI BIN HAJI EMBONG, P.J.K. (Dilantik).
- .. PUAN HAJAH HABSHAH BINTI HAJI OSMAN, P.P.T., P.J.K. (Dilantik—Wilayah
Persekutuan).
- .. WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD, A.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN HANIPAH BIN AHMAD, P.J.K. (Perlis).
- .. TUAN IBRAHIM BIN DAUD, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N.
(Johor).
- .. TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik—Wilayah Persekutuan Labuan).
- .. TUAN ITAM WALI BIN NAWAN, P.P.N. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C.
(Negeri Sembilan).
- .. TUAN JANGGU ANAK BANYANG, P.B.K. (Sarawak).
- .. DATUK JOHAN B.O.T. GHANI @ CHRISTOPHER, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik).
- .. PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).

- Yang Berhormat TUAN KAN KOK KWAN, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- .. PUAN KELSOM BINTI YAACUB, A.M.P., P.J.K. (Pahang).
- .. PUAN KIAN SIT HAR, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka).
- .. TUAN LOW KAI MENG, P.J.K., J.P. (Perak).
- .. TUAN N. MARIMUTHU A/L NADESAN, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- .. PUAN MASTIKA JUNAIDAH BINTI HUSIN (Dilantik).
- .. TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).
- .. TUAN NG SEE TIONG, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor).
- .. DATO' (IR.) NG THIAN HOCK, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- .. DR. NG YEN YEN, P.J.K. (Pahang).
- .. TUAN HAJI OTHMAN BIN YUNOS, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik).
- .. PUAN HAJAH RAHAIAH BINTI BAHERAN, P.J.K. (Dilantik).
- .. TUAN RAHIM BIN BABA, A.M.P. (Dilantik).
- .. PUAN HAJAH RAHMAH BINTI SALLEH, P.J.K. (Terengganu).
- .. TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik).
- .. TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- .. TUAN HAJI SALLEH @ HASSAN BIN ALI, P.J.K. (Terengganu).
- .. PUAN SRI SARASA PASAMANICKAM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- .. PUAN HAJAH SELEMIAH BINTI HASHIM (Dilantik).
- .. TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
- .. DATO' SOONG SIEW HOONG, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S., J.S.M. (Dilantik).
- .. TUAN TAN SON LEE (Kedah).
- .. DATO' V.K.K. TEAGARAJAN, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik).
- .. DATO' TING CHECK SII, D.I.M.P. (Dilantik).
- .. TAN SRI DATO' G. VADIVELOO A/L GOVINDASAMY, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik).

-
- Yang Berhormat DATUK K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI. D.J.N., K.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- .. DATIN HAJAH WAN INTAN BINTI HAJI WAN AHMAD TAJUDDIN, P.J.K.,
A.M.S. (Dilantik).
- .. DATUK DAVID YEOH ENG HOCK, D.M.S.M. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DEROS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor).
- .. DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K.,
J.P. (Dilantik).
- .. PUAN HAJAH ZALEHA BINTI HUSSIN (Dilantik).
- .. TUAN M. ZEEVILL @ SHANMUGAM A/L R.M.S. MUTAYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara : Haji Mohamed Salleh bin Abu Bakar, K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Hajah Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Isnin, 10hb Julai, 1995

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30
petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

UJIAN MEMANDU DI JPJ
BINTANGOR

1. **Dato' Ting Check Sii** minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan Jabatan Pengangkutan Jalan Raya (JPJ) Bintangor tidak mengendalikn ujian memandu kenderaan sejak Ogos 1993 dan semua ujian memandu diadakan di Bandar Sarikei, 45 km dari Bandar Bintangor. Ini memandangkan banyak masalah kepada pihak sekolah memandu dan juga pelajar mereka. Adakah JPJ bercadang mengendalikn ujian memandu semula di Bintangor.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan semula ujian memandu di Bintangor ini adalah memandangkan bahawa jarak di antara Bandar Sarikei dengan Bandar Bintangor adalah 11 km sahaja apabila siapnya jalan raya baru pada hujung tahun ini yang akan menghubungkan kedua-dua bandar tersebut.

PERMAINAN VIDEO—
KAWALAN TERHADAP
BELIA-BELIA

2. **Datin Hajah Wan Intan bin Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian ini untuk mengatasi belia-belia mengunjungi pusat-pusat permainan video yang menimbulkan lagi masalah sosial, dan apakah rancangan kementerian selain dari Rakan Muda untuk mengatasi masalah lepak sekarang ini.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Datuk Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi dan mencegah belia-belia bawah umur mengunjungi pusat-pusat permainan video maka kementerian saya sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi lain untuk menguatkuasakan larangan kepada belia-belia dari mengunjungi pusat-pusat tersebut. Kementerian berharap pengusaha-pengusaha pusat-pusat video bekerjasama menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada agar dipatuhi oleh pengusaha-pengusaha yang berkenaan. Pengusaha-pengusaha sendiri hendaklah mematuhi peraturan pelesenan dan mengambil kira tanggungjawab sosial mereka. Pada masa ini Kementerian Belia dan Sukan menumpukan kepada program Rakan Muda untuk mengatasi masalah remaja. Di samping agenda utama tersebut terdapat juga usaha-usaha dilakukan oleh agensi-agensi yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, program Rakan Muda juga menekankan empat unsur dalam pelaksanaan program iaitu melibatkan usaha kerajaan untuk membentuk sikap remaja ke arah yang lebih positif seperti menerapkan nilai-nilai agama dan moral yang mulia kepada remaja, pembentukan dan perubahan minda remaja ke arah yang lebih baik, perubahan paradigma di kalangan anak mereka.

Tuan Low Kai Meng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan tetapi masih didapati bahawa ada pusat-pusat video tidak mematuhi peraturan. Adakah kerajaan mengambil tindakan yang lebih tegas dan serius supaya kita dapat mengawal keadaan ini?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan telah mengeluarkan peraturan-peraturan dan nasihat-nasihat kepada pusat-pusat permainan video supaya mereka bekerjasama menguatkuasakan undang-undang dan juga seperti saya katakan tadi menjalankan tanggungjawab sosial mereka, kementerian saya sedar bahawa ada pusat-pusat permainan video yang tidak mematuhi peraturan-peraturan dan itu adalah membimbangkan kerajaan. Oleh kerana itulah baru-baru ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menubuhkan Jawatankuasa Penapisan Permainan Video yang dianggotai oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Lembaga Penapis Filem, Pendaftar Pertubuhan, Kementerian Pendidikan dan juga Polis Di-Raja Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, antara lain jawatankuasa ini akan menumpukan supaya permainan video yang mempunyai unsur-unsur negatif, unsur-unsur seks, ganas dan perjudian dapat diharamkan. Belia-belia di bawah umur 18 tahun sememangnya tidak dibenarkan mengunjungi pusat-pusat hiburan yang tersebut. Ini adalah sebahagian tindakan-tindakan yang lebih tegas dan serius yang telah diambil oleh pihak kerajaan.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat

Timbalan Menteri mengenai soal penguatkuasaan pusat-pusat permainan video yang tidak mengikuti undang-undang. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa terdapat perbalahan di antara pihak polis dan juga pihak-pihak Majlis Tempatan tentang penguatkuasaan, siapa yang bertanggungjawab. Pihak polis mengatakan pihak Majlis Tempatan dan pihak Majlis Tempatan pula mengatakan ini soal pihak polis. Jadi siapa yang bertanggungjawab, adakah Kementerian Belia dan Sukan?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, kuasa menguatkuasakan undang-undang itu bukan di bawah kuasa kementerian saya tetapi ini adalah di bawah kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan pihak yang mengambil tindakan untuk mengesan pusat-pusat permainan video yang manakah yang telah melanggar syarat-syarat itu adalah kuasa pihak polis dan pihak polis telah mengambil tindakan-tindakan supaya maklumat berkenaan dengan pusat-pusat ini akan diberitahu kepada Kementerian tersebut khasnya kepada jawatankuasa yang saya katakan tadi supaya tindakan diambil dan pusat-pusat itu ditutup.

ARQAM DIHARAMKAN— NASIB AHLI-AHLI

3. **Dato' Zainol Abidin bin Johari** minta Perdana Menteri menyatakan selepas pengharaman Arqam apakah masih ramai ahli-ahli Arqam yang masih dengan pengajaran lama dan apakah lagi jenis ancaman daripada penyelewengan aqidah oleh badan-badan lain selain daripada Arqam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Yang di-Pertua, daripada

maklumat yang diterima dari masa ke semasa selepas pengharaman Arqam, masih ada ahli-ahli Arqam yang masih mengamalkan pegangan lama mereka. Keadaan yang demikian berlaku adalah disebabkan mereka terpaksa mengambil masa yang lama untuk membuang sepenuhnya amalan menyeleweng Arqam yang telah lama sebat di dalam kehidupan mereka. Walaupun demikian, kerajaan sentiasa mengawasinya agar mereka tidak kembali mengamalkan ajaran sesat itu. Selain daripada Arqam, terdapat juga penyelewengan aqidah yang diamalkan oleh kumpulan-kumpulan yang mendakwa sebagai tarikat tasawuf dan ada juga yang dicetuskan oleh golongan yang mempunyai motif politik yang tertentu.

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-Pertua, soalah tambahan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri apakah kerajaan mempunyai peruntukan atau program-program khas bagi membantu bekas-bekas pengikut Arqam di dalam bidang perniagaan, kerana sebelum ini mereka banyak terlibat dalam bidang perniagaan. Apabila mereka keluar daripada Arqam, banyak perniagaan mereka yang terjejas.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tetap membantu mereka. Tetapi suka saya nyatakan di sini bahawa semua perniagaan Al-Arqam sebelum diharamkan adalah di atas nama individu, bukan di atas nama kumpulan. Maka, segala lesen dan keistimewaan-keistimewaan yang ada pada mereka tidaklah ditarik balik oleh kerajaan.

PENDERAAN KE ATAS KANAK-KANAK— LANGKAH MENGATASI

4. Puan Hajah Zaleha binti Hussin minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan

memandangkan penderaan kanak-kanak terus bermahajajalela di negara ini, apakah langkah baru yang positif dan efektif dapat dilaksanakan dalam membendung kejadian-kejadian penderaan ini.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, tindakan positif dan efektif yang dilaksanakan oleh kementerian ialah dengan mengeratkan perhubungan kekeluargaan iaitu melalui Kempen Gerakan Keluarga Bahagia dan mengadakan sambutan Hari Keluarga Kebangsaan setiap tahun. Dengan adanya kesedaran positif ini hubungan antara ahli-ahli keluarga dapat dieratkan dan membentuk kesejahteraan hidup berkeluarga. Ikatan kekeluargaan yang positif juga akan menentukan perkembangan serta kesejahteraan kanak-kanak dalam keluarga.

Pasukan Perlindungan Kanak-kanak ditubuhkan oleh Kementerian ini di tiap-tiap daerah supaya setiap ahli masyarakat melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai program membanteras penderaan kanak-kanak di setiap peringkat komuniti. Pusat aktiviti kanak-kanak dan pusat khidmat sosial setempat yang ditubuhkan oleh kementerian juga melibatkan penyertaan aktif masyarakat tempatan dengan memberi perkhidmatan serta menyertai program-program untuk kanak-kanak dan keluarga terutamanya di kawasan kediaman berisiko tinggi.

GURU TERLATIH SEKOLAH RENDAH/MENENGAH— JUMLAH KEKURANGAN

5. Tuan Ibrahim bin Daud minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa jumlah kekurangan guru-guru terlatih bagi sekolah rendah dan menengah di seluruh negara dan apakah tindakan susulan yang diambil.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, kekurangan guru sekolah rendah seperti pada 1 Februari, 1995 ialah 7,324 orang. Kedudukan ini tidak termasuk guru pelatih yang sedang membuat praktikum, yang dijangka tamat pada bulan November, 1995 yang berjumlah seramai 9,865 orang.

Kekurangan guru sekolah menengah seperti pada 1hb Januari, 1995 ialah 7,899 orang tanpa mengambil kira guru pelatih yang akan tamat praktikum pada bulan Julai dan Ogos, 1995 ini yang jumlahnya seramai 5,630 orang.

Langkah yang diambil bagi mengatasi kekurangan guru ialah:

- (i) membuat ambilan guru pelatih dua kali setahun sehingga bilangan guru mencukupi;
- (ii) mengoptimumkan keupayaan universiti bagi menyediakan guru terlatih; dan
- (iii) memperbanyakkan lagi program kembar antara maktab dengan universiti tempatan dan luar negeri.

SLOT RANCANGAN TEMPATAN—PENYEDIAAN

6. Tuan Shuib bin Endut minta Menteri Penerangan menyatakan sejauh mana kementerian telah menyediakan slot kepada rancangan tempatan sebanyak 70%. Benarkah bayaran untuk rancangan tempatan masih rendah dan tidakkah kementerian bercadang untuk menaikannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama, jumlah

rancangan tempatan yang disiarkan melalui TV1 telah pun mencapai ke tahap 70% iaitu meliputi rancangan terbitan dalaman dan terbitan swasta. Manakala bagi TV2 pula jumlah rancangan tempatan hanya setakat 40%. Kekurangan rancangan tempatan di TV2 berlaku disebabkan oleh terhadnya penawaran rancangan tempatan berbentuk dokumentari, muzikal dan rancangan untuk kanak-kanak ataupun para remaja di dalam pasaran tempatan. Kebanyakan pembekalan rancangan lebih menumpukan kepada penerbitan berbentuk drama. Bagi mengatasi masalah ini, usaha-usaha sedang dilaksanakan untuk menambah bilangan rancangan tempatan swasta.

Manakala untuk menjawab soalan kedua, kadar bayar rancangan tempatan dikaji semula setiap tahun bergantung kepada kedudukan pasaran semasa. Kadar bayaran rancangan tempatan telah dinaikkan dengan kadar purata sebanyak 5% setiap tahun. Kadar bayaran rancangan tempatan adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan rancangan luar negeri. Ini adalah disebabkan kerajaan membayar kos penerbitan serta keuntungan rancangan terbitan tempatan, manakala rancangan luar negeri hanya membayar kos sewaan yang dikawal oleh Motion Picture Association, dengan izin.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah benar terdapat rungutan daripada production-production house bahawa dakwaan slot-slot hiburan dan juga drama swasta dimonopoli oleh beberapa syarikat-syarikat tertentu. Jika benar, apakah langkah yang akan dijalankan oleh pihak kementerian untuk mengatasi monopoli ini dan memastikan pembahagian yang lebih adil kepada production-production house, khasnya production house yang dimiliki oleh bumiputera?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan tadi, seperti yang saya nyatakan bahawa kebanyakan daripada pengeluaran

rancangan-rancangan banyak ditumpukan terhadap pembikinan drama sahaja, maknanya, 'competition' lebih banyak, dengan izin. Makanya terhad di kalangan para production house untuk menerbitkan rancangan-rancangan seperti yang saya nyatakan, seperti membuat usaha-usaha untuk program kanak-kanak, muzikal dan dokumentari.

Kalau ada tuduhan tentang ada had, ada batasan bagi pihak kementerian dan untuk kita menghadkan slot-slot, it is not because ada kebenarannya, tetapi oleh kerana competition is too intense sangat, dengan izin. Makanya kita galakan juga supaya pengusaha production house yang ada di negara ini untuk melibatkan diri mereka dalam sektor di mana ada ruang seperti yang saya nyatakan tadi.

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-Pertua, soalah tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan, khususnya kementerian, ke atas drama-dram. Atau apa-apa program yang lain yang melibatkan artis-artis yang pernah melanggar etika yang telah ditetapkan oleh kementerian seperti rambut panjang, ditangkap khalwat dan sebagainya. Apakah kerajaan bercadang untuk menggantung program-program yang mereka melibatkan diri tersebut?

Tuan Yang di-Pertua: Ada kaitankah dengan soalan awal?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tak apa, boleh jawab juga.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau nak jawab, sila.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi menyatakan

tentang adakah kementerian hendak menyekat ataupun mengawal keadaan ini. Memang dalam tanggungjawab kita bukan sahaja menghadkan ataupun mengawal siaran yang dikeluarkan oleh TV1, TV2 bahkan juga seperti TV3 melalui pengawalan pengeluaran lesen. Makanya kalau ada terlibat di antara artis-artis sama ada dari segi pada pandangan kita tidak senonoh dari segi persembahan budaya mereka, tindakan tegas seperti baru-baru ini yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri kita bahawa tindakan tegas akan diambil oleh pihak kementerian kepada mana-mana pihak yang terlibat dalam gejala-gejala yang tidak baik.

RUMAH KOS RENDAH— SASARAN PEMBINAAN

7. Datuk David Yeoh Eng Hock minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

(a) matlamat sasaran pembinaan rumah kos rendah berharga RM25 ribu telah dapat dilaksanakan sepenuhnya dan adakah terdapat di kalangan pemaju yang hanya memikirkan keuntungan semata-mata tanpa komitmen terhadap masyarakat berpendapatan rendah; dan

(b) adalah kementerian bercadang supaya spesifikasi rumah kos rendah dipastikan mempunyai tiga bilik tidur dan kemudahan lain sesuai dengan usaha kerajaan bagi mengelakkan kegiatan belia yang negatif kerana tekanan suasana sempit di rumah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua:

(a) Jumlah unit rumah kos rendah yang disasarkan untuk dibina oleh sektor swasta di bawah Rancangan Malaysia Keenam ialah 215,700 unit. Sehingga 31.12.1994 sejumlah 146,031 unit telah pun siap dibina. Berdasarkan kepada prestasi itu sektor swasta telah menunjukkan komitmen membina rumah kos rendah.

(b) Undang-undang Kecil Bangunan Seragam ada menetapkan saiz minima yang boleh dibenarkan, mengambil kira keperluan kesihatan dan keselesaan.

Kerajaan memang menggalakkan pembinaan tiga bilik tidur. Kebanyakan projek kerajaan sendiri adalah pembinaan tiga bilik tidur. Gejala belia terlibat dalam aktiviti negatif bergantung kepada berbagai faktor, bukan hanya kepada kemudahan rumah.

PEMBANGUNAN SUKAN NEGARA—LANGKAH KEMENTERIAN

8. Tuan Ng See Tiong minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

(a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah yang menjejaskan pembangunan sukan di negara ini; dan

(b) sejauh manakah seriusnya masalah permainan politik di antara pertubuhan sukan kebangsaan menjejaskan persiapan Sukan Komanwel 1998.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah yang telah diambil oleh kementerian ini bagi mengatasi masalah-masalah yang menjejaskan pembangunan sukan di negara kita ini ialah:

- (i) mewujudkan Dasar Sukan Negara yang menggariskan rangka rancangan pembangunan sukan tanah air;
- (ii) menyediakan program penyediaan atlit Sukan Komanwel 1998;
- (iii) melaksanakan program pembangunan pelapis; program bakat, program tunas cemerlang bagi mendapatkan kesinambungan dalam bekalan atlit-atlit negara;
- (iv) melaksanakan program untuk memajukan jurulatih dan mempertingkatkan pendidikan kejurulatihan melalui Lembaga Kejurulatihan Kebangsaan;
- (v) merancang dan melaksanakan program-program sukan termasuk membantu persatuan-persatuan sukan kebangsaan mengenai latihan, pendedahan dan penyertaan di peringkat antarabangsa;
- (vi) memperkemaskan jentera pentadbiran persatuan-persatuan melalui perlantikan setiausaha kerja yang bertugas sepenuh masa;
- (vii) mengadakan beberapa skim penggalakan dan insentif sebagai bantuan atau ganjaran kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh atlit-atlit, jurulatih dan pegawai-pegawai sukan;
- (viii) bagi mengatasi masalah kewangan, program tajaan melalui Rakan Sukan telah diperkenalkan. Setakat ini sebanyak 28 syarikat telah bersetuju menaja 27 jenis sukan yang berjumlah RM19 juta setahun untuk tempoh 5 tahun; dan

- (ix) Persatuan Sukan Kebangsaan terlibat dengan Sukan Komanwel 1998 dalam 2 aspek iaitu penyediaan atlit dan penganjuran acara-acara semasa sukan itu berlangsung.
- (c) Pada dasarnya masalah politik yang terdapat dalam Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan yang terlibat tidaklah menjejaskan persiapan atlit ke sukan berkenaan. Ini adalah kerana Majlis Sukan Negara yang menyelaras program ini memainkan peranan utama dalam membantu dan menyelesaikan masalah-masalah, sekiranya ada.

**BOSNIA-HERZEGOVINA—
KEGAGALAN KUASA-KUASA
BESAR UNTUK
MEMPERTAHANKAN**

9. Puan Kelsom binti Yaacub minta Menteri Pertahanan menyatakan bahawa memandangkan kuasa-kuasa besar masih gagal mengamankan Bosnia, sewajarnya rakyat Bosnia diberi senjata untuk mempertahankan diri mereka. Kita tidak mahu bumi Bosnia dijadikan makmal perang oleh kuasa-kuasa besar dunia. Tidakkah ada cadangan untuk menarik balik penempatan tentera Malaysia di Bosnia.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kuasa-kuasa besar masih gagal menyelesaikan masalah di Balkan, maka kerajaan sentiasa menyokong segala tindakan untuk menghapuskan sekatan senjata ke atas Bosnia-Herzegovina supaya mereka dapat melengkapkan dan mempertahankan diri mereka daripada serangan puak Serb.

Sebagaimana yang termaklum, kerajaan telah bersetuju untuk menempatkan satu

Pasukan MALBATT (Malaysian Battalion), dengan izin, di bawah pemerintahan UNPROFOR (United Nations Protection Force), dengan izin, di Bosnia-Herzegovina. Tugas UNPROFOR adalah untuk membantu proses perdamaian antara puak-puak yang bertelagah seperti yang ditetapkan oleh Resolusi 836/1993.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa menegaskan komitmennya membantu UNPROFOR dalam tugas pengaman tersebut. Oleh itu MALBATT akan terus berkhidmat di Bosnia-Herzegovina selagi mandat UNPROFOR masih berkuat kuasa. Kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik Pasukan MALBATT dari Bosnia-Herzegovina secara persendirian.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Dato' Zainal Abidin bin Johari.

Dato Zainal Abidin bin Johari: Tuan Yang di-Pertua, dari sumber-sumber yang layak dipercayai dan dari kenyataan Perdana Menteri Bosnia pada pagi ini melalui CNN, bahawasanya sekiranya gagal Bangsa-bangsa Bersatu mengatasi masalah di Balkan, mereka bercadang untuk menjemput negara-negara sahabat untuk membantu mereka pada segi ketenteraan memandangkan Malaysia merupakan sahabat pada Bosnia. Adakah kerajaan bercadang sekiranya dipohon oleh Bosnia supaya Malaysia memberikan bantuan ketenteraan?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita nampak UNPROFOR akan kekal di Bosnia-Herzegovina buat beberapa ketika lagi dan tidak mungkin pihak UN ataupun pihak NATO akan membenarkan pengunduran askar-askar pengaman itu di Bosnia-Herzegovina. Maka di peringkat yang dekat ini kita tidak yakin yang tentera pengaman akan keluar daripada Bosnia-Herzegovina. Takdirnya mereka terpaksa keluar, kita akan menimbang tentang

pendirian kita terhadap keadaan di Bosnia-Herzegovina kerana kita punya komitmen terhadap negara itu memang jelas dan nyata dan kita akan mengambil tindakan kita selaras dengan komitmen kita terhadap negara Bosnia-Herzegovina.

PENCEMARAN PERAIRAN NEGARA—LANGKAH MENGELAKKAN

10. Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang lebih berkesan bagi mengelakkan pencemaran perairan negara daripada dicemari oleh kapal-kapal dagang antarabangsa dan tempatan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Dato' Abu Bakar bin Daud): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang mempertingkatkan pengawasan dan pengesanan kes-kes pelepasan sisa-sisa minyak kimia di perairan Malaysia dan mempercepatkan masa tindakbalas ke atas kapal-kapal yang terlibat.

Selain daripada Jabatan Alam Sekitar, perwakilan kuasa telah juga dibuat mengikut peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, kepada agensi-agensi maritim bagi menguatkuasakan kawalan pencemaran marin. Pelaksanaan penguatkuasaan ini pula diselaraskan oleh Pusat Penyelarasan dan Penguatkuasaan Maritim. Usaha-usaha sedang dibuat untuk mempertingkatkan lagi keupayaan penguatkuasaan yang wujud ini.

Peruntukan undang-undang sedia ada sedang disemak dengan tujuan mempertingkatkan lagi penalti-penalti yang boleh dikenakan bagi kesalahan-kesalahan berkaitan pelupusan buangan minyak dan sisa kimia ke dalam perairan Malaysia. Kerajaan juga sedang berusaha mendapatkan kerjasama yang baik

daripada negara-negara jiran dalam mengatasi masalah pencemaran yang berpunca dari minyak terutamanya dari segi pertukaran maklumat dan pembersihan minyak.

PELARIAN VIETNAM DI KEM TAHANAN SUNGAI BESI— SEBAB-SEBAB MEMBERONTAK

11. Tuan N. Marimuthu minta Perdana Menteri menyatakan dengan jelas:

- (a) sebab-sebab pelarian Vietnam di Kem Tahanan Sungai Besi memberontak baru-baru ini;
- (b) tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mengelakkan perkara begini berulang lagi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelarian Vietnam di Kem Tahanan Sungai besi memberontak disebabkan oleh usaha kerajaan untuk membina pagar berangkai di dalam kem tersebut bagi tujuan mengasingkan kumpulan "hard core" (yang mati-matian enggan pulang ke Vietnam) daripada penghuni yang diistilahkan sebagai kumpulan yang bertanggungjawab. Ini penting supaya langkah kerajaan untuk menghantar kumpulan pendatang haram Vietnam ini tidak dihalang oleh kumpulan "hard core" ini. Selain dari itu projek pemagaran ini juga akan menjadi keadaan keselamatan di kem tersebut lebih terjamin. Buat masa ini memang terdapat pagar berangkai dua lapis yang dipasang di sekeliling kem tersebut.

Selain dari bantahan bagi pembinaan pagar di dalam kem tersebut, pendatang haram

Vietnam ini juga cuba menunjukkan bantahan dan mendapat simpati dunia terhadap rancangan kerajaan untuk menghantar mereka pulang ke Vietnam sebelum 31.12.1995 di bawah program "Orderly Repatriation Programme" yang telah dipersetujui oleh Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Orang Pelarian (UNHCR). Mereka ini masih menaruh harapan untuk dihantar menetap ke negara ketiga yang mereka anggap dapat memberikan mereka perlindungan walaupun permohonan mereka telah ditolak oleh negara-negara berkenaan di atas sebab mereka ini tidak boleh diiktiraf sebagai pelarian melalui proses tapisan "Refugees Status Determination".

- (b) Untuk mengelakkan perkara ini berulang lagi, pihak kerajaan telah pun melaksanakan tiga langkah yang berjalan seiring bagi mengelakkan berlakunya kejadian pendatang haram Vietnam ini dari merusuh dan meroboh pagar. Langkah-langkah ini bolehlah dikelaskan sebagai langkah keselamatan fizikal, langkah sosial dan langkah kawalan keselamatan.

Dari segi langkah keselamatan fizikal pihak kerajaan telah pun memasang pagar tambahan di bawah projek kompartmentalisasi yang bernilai RM480.000 di Kem Transit Sungai Besi. Kawasan kem ini telah dipasang dengan dawai bermutu tinggi jenis "concertain wire" yang dijangka akan dapat menghalang usaha-usaha untuk merusuh keluar dari kem tersebut.

- (c) Dari segi langkah sosial pula kumpulan tertentu telah diasingkan supaya mereka tidak dapat bermuafakat untuk merancang apa-apa tindakan yang tidak diingini. Di samping itu pihak kerajaan juga

telah mempergiatkan lagi usaha "counselling" untuk memujuk orang-orang Vietnam ini pulang secara sukarela di bawah program "VOLREP" (Voluntary Repatriation).

- (d) Dari segi kawalan keselamatan pula pihak kerajaan telah mempertingkatkan kawalan keselamatan dengan menambah lagi rondaan oleh pihak polis di luar dan di dalam kem.
- (e) Dengan adanya usaha-usaha baru ini pihak kerajaan yakin kejadian merusuh dan meroboh pagar tidak akan berulang lagi di Kem Transit Pendatang Haram Vietnam di Sungai Besi.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Timbalan Menteri tadi sebab-sebab yang berlakunya peristiwa di Kem Sungai Besi adalah disebabkan oleh kumpulan "hard core", dengan izin. Setakat ini berapakah bilangan orang-orang yang dikatakan "hard core" ini, dengan izin, yang telah dihantar pulang ke negeri asal mereka.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini beberapa orang telah pun dihantar pulang dan seterusnya akan dilakukan apabila sampai pada ketikanya.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjelaskan apakah maknanya "hard core"? Adakah ianya "keras kepala" atau "keras batu"?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: "Hard core" ini, maknanya, orang yang memang berkeras, sama ada kepalakah atau batukah, saya tidak tahu. Tetapi memang berkeras tidak mahu pulang ke Vietnam.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin "batu kepala" ya? (*Ketawa*)

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pandangan kementerian terhadap pelarian yang telah masuk melampaui tempoh yang telah ditentukan tetapi ada negara ketiga yang ingin melalui saudaramara dan lain-lainnya menerima pelarian tersebut?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada keluarga tertentu di mana-mana negara yang lain yang ingin mengambil pelarian ini, maka kita memang bersedia untuk menghantar mereka.

BOSNIA-HERZEGOVINA— PENUBUHAN PASUKAN PENGAMAN

12. Tuan Saad bin Haji Man minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Malaysia bercadang untuk mengambil inisiatif bersama-sama dengan negara-negara OIC bagi menubuhkan satu pasukan pengaman yang berkesan di Bosnia-Herzegovina sekiranya berlaku penarikan diri oleh pasukan-pasukan pengaman yang lain dari negara tersebut.

Menteri Luar Negeri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia dan beberapa buah negara OIC telah pun menghantar pasukan pengamannya ke Bosnia-Herzegovina. Juga negara-negara OIC dalam satu mesyuarat OIC Contact Group telah juga membuat keputusan bahawa mereka bersedia menghantar tentera tambahan bagi memperkuat lagi UNPROFOR di Bosnia-Herzegovina. Tetapi mengikut dasar Bangsa-bangsa Bersatu sekarang ini ialah, sebarang tindakan untuk menghantar tentera tambahan oleh mana-mana negara sekali pun mestilah terlebih dahulu mendapatkan persetujuan Bangsa-bangsa Bersatu.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah peranan yang benar-benar efektif yang telah diambil oleh OIC terhadap persengketaan di Bosnia-Herzegovina ini?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, peranan OIC bagi beberapa buah negara yang mampu, kita telah menghantar pasukan keamanan ke Bosnia-Herzegovina di bawah UNPROFOR. Di samping itu juga, pada peringkat diplomatik, OIC sebagai badan yang penggerak sentiasa memainkan usaha-usaha untuk membantu Bosnia-Herzegovina dalam banyak hal bagi membantu perjuangan mereka, di samping itu juga untuk berusaha supaya mendapat sokongan bagi memencilkan Belgrade, iaitu yang pada satu masa adalah pembantu dan penolong kuat kepada pengganaspengganas Serb di Bosnia.

Dalam hal ini kita telah berjaya sebenarnya kerana Kerajaan Belgrade telah pun disingkirkan daripada beberapa pertubuhan seperti NAM, G15, G77 dan sekarang ini pun Belgrade tidak diwakili dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Kita juga berusaha untuk membawa berbagai usul ke Bangsa-bangsa Bersatu ataupun melalui Security Council di mana sesuai, supaya dengan adanya usul-usul itu kita sama ada menyokong langkah-langkah yang boleh diambil oleh Bangsa-bangsa Bersatu ataupun untuk kita sendiri berusaha membawa usul-usul tertentu seperti usaha membukakan usul bagi menarik balik sekatan senjata ke atas Bosnia-Herzegovina, iaitu arms embargo. Tetapi kita memahami benar bahawa usaha-usaha seperti ini telah tidak mendapat sokongan sepenuhnya daripada anggota Bangsa-bangsa Bersatu terutamanya dari negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat. Tetapi kalau dari negeri-negeri selatan dan negeri-negeri yang sedang membangun, usaha-usaha yang digerakan oleh OIC dan juga dengan muafakat NAM kita telah mendapat sokongan yang kian bertambah.

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Datuk Menteri, apakah benar ada tuduhan-tuduhan mengatakan bahawa tentera pengaman daripada negara-negara OIC dan negara-negara bukan NATO mendapat layanan second class di Bosnia dan lain-lain tempat daripada Bangsa-bangsa Bersatu?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada sebarang berita ataupun maklumat daripada pasukan kita yang berkhidmat di Bosnia-Herzegovina bahawa mereka mendapat layanan nombor dua dan bukannya nombor satu oleh Bangsa-bangsa Bersatu ataupun oleh pemerintah di Bosnia-Herzegovina.

SEKTOR PERLADANGAN/ PEMBINAAN— KAJIAN TENAGA BURUH

13. Dr. Ng Yen Yen minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) adakah kerajaan akan terus bergantung kepada pekerja asing dalam sektor perladangan dan sektor pembinaan; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengelakkan sektor perkilangan kita bergantung kepada pekerja asing.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kajian menunjukkan tenaga buruh asing masih diperlukan buat sementara waktu bagi sektor-sektor perladangan dan pembinaan. Ini kerana rakyat tempatan tidak begitu berminat bekerja di dalam sektor-sektor tersebut serta perkembangan perindustrian negara yang pesat telah membuka banyak peluang-

peluang pekerjaan yang membolehkan rakyat tempatan membuat pilihan pekerjaan. Oleh itu, selagi prestasi ekonomi negara kita berkembang maju, maka keperluan tenaga buruh asing dijangka berterusan di dalam sektor-sektor tersebut. Namun demikian, dasar kerajaan adalah sentiasa untuk mencari jalan mengurangkan pergantungan kita kepada pekerja asing dan langkah-langkah ini selalu dikaji dan dilaksanakan.

- (b) Kerajaan akan terus bergiat memantapkan strategi-strategi dan langkah-langkah memastikan bekalan tenaga kerja tempatan dipertingkatkan untuk memenuhi bukan sahaja keperluan sektor perkilangan tetapi keperluan negara keseluruhannya, di samping mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja daripada luar negara. Di antara strategi-strategi dan langkah-langkah yang akan diperhebatkan termasuklah:

- (i) meningkatkan kadar penyer-taan aktif tenaga kerja tempatan di dalam pasaran buruh, terutamanya tenaga buruh wanita dan juga pesara-pesara, penagih-penagih dadah yang telah dipulihkan, orang-orang cacat, di samping menggalakkan tenaga kerja tertentu untuk berminat membuat kerja-kerja tambahan dalam masa lapang mereka;

- (ii) menggalakkan kerja sambilan dan waktu kerja anjal (flexi-time) melalui kajian semula Undang-undang Buruh supaya golongan pekerja-pekerja sedemikian dijamin perlindungan dan faedah-

- faedah perkhidmatan dinikmati oleh pekerja-pekerja sepenuh masa;
- (iii) menjalankan program penyesuaian struktur (industrial adjustment) untuk menggalakkan peralihan daripada aktiviti-aktiviti nilai ditambah yang rendah dan yang berintensifkan buruh kepada aktiviti-aktiviti nilai ditambah yang tinggi dan yang kurang berintensifkan buruh. Oleh itu, industri-industri berintensifkan buruh akan terus tidak digalakkan dan digantikan dengan industri yang mempunyai daya pengeluaran tinggi;
- (iv) m e n g g a l a k k a n mechanisation, dengan izin, dan penggunaan teknologi moden seperti automasi, robotik, penggunaan komputer dan lain-lain lagi untuk mengurangkan penggunaan tenaga manusia;
- (v) menggalakkan industri-industri berintensifkan buruh berpindah ke negara-negara lain yang tidak mempunyai masalah kekurangan buruh;
- (vi) syarikat-syarikat tempatan digalakkan melabur ke luar negara secara reverse investment ke negara-negara sedang membangun di mana masih terdapat bilangan buruh yang ramai dengan upah yang lebih rendah sesuai dengan industri berintensifkan buruh;
- (vii) majikan-majikan dan industri-industri digalakkan mendapat barangan atau komponen-komponen barangan siap yang memerlukan ramai pekerja dan rendah nilai tambahnya (low value-added) secara out-sourcing dari luar negeri di mana kos pengeluarannya adalah lebih rendah;
- (viii) menyeru majikan-majikan menaikkan kadar upah sejajar dengan peningkatan produktiviti dan memperbaiki lagi terma dan syarat-syarat perkhidmatan; dan
- (ix) membantu pihak majikan mendapatkan pekerja dari kawasan-kawasan lebihan buruh kepada kawasan kekurangan buruh.
- Tuan Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa banyakkah wang negara mengalir ke negara lain akibat pekerja asing? Mengenai.....
- Tuan Yang di-Pertua:** Satu sudahlah, Tuan Saidin.
- Tuan Saidin bin Mohamad:**penglibatan dalam sektor perladangan.
- Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Saidin, soalnya?
- Tuan Saidin bin Mohamad:** Soalnya, berapa banyakkah wang negara mengalir ke negara lain akibat daripada pekerja asing.
- Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat itu satu soalan cukuplah, ini sebab soalan tambahan.
- Tuan Saidin bin Mohamad:**sektor perladangan dan pembinaan. Berapa peratuskah daripada wang yang diperolehi dibelanjakan di Malaysia?
- Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, yang itu sudah hendak dijumlahkan. (*Ketawa*) Saya perlu notis.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian seperti telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi berkesan positif dan efektif?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan yang telah diambil itu nampaknya berkesan dan positif, dan langkah-langkah sedang diambil dan sentiasa diambil untuk memperbaiki keberkesanannya.

DOKTOR PERUBATAN— BILANGAN

14. Tuan Ding Seling minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah bilangan doktor perubatan terdapat di Malaysia pada masa kini (1995); dan
- (b) berapakah bilangan doktor itu yang masih berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di Hospital/Klinik Kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan,

- (a) Bilangan doktor perubatan yang terdapat di Malaysia sehingga 1hb Mei 1995 adalah 9,101 orang.
- (b) Bilangan doktor yang berkhidmat di hospital dan klinik kerajaan di seluruh negara ialah 4,034 orang.

INSENTIF/REWARD KEPADA SIPEMBERITAHU MAKLUMAT MENGENAI DADAH

15. Tuan Frankie Chong Yu Chee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa demi mendapatkan maklumat yang lebih banyak daripada orang ramai mengenai pendedaran dadah, adakah kerajaan menyediakan sebarang insentif

untuk sipemberitahu maklumat, jika ya, berapakah ganjaran dan adakah rahsia sipemberitahu maklumat ini terjamin.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, insentif sebagai reward diperuntukkan di bawah Seksyen 42A Akta Dadah Berbahaya 1952 dan kuasa diberi kepada Ketua Polis Negara ataupun Pengarah Kastam dan Eksais untuk menetapkan jumlah quantum insentif. Jumlah insentif bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh seseorang sumber dalam menentukan kejayaan dan kepada jumlah dadah merbahaya yang dirampas. Rahsia sipemberitahu terjamin dan ini diperuntukkan juga di bawah Seksyen 40(1) Akta Dadah Berbahaya dan juga di bawah Seksyen 124, Akta Keterangan 1950.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah kerjasama orang awam untuk memberi maklumat kepada pihak berkuasa mengenai pendedaran dadah?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerjasama yang diberikan oleh orang ramai adalah boleh dikatakan menggalakkan. Kerajaan pernah memberikan insentif sehingga RM50,000 kerana telah berjaya menumpaskan sindiket dan merampas banyak dadah.

AKTA PERIHAL DAGANGAN 1972—PERLINDUNGAN KEPADA PENGGUNA

16. Tuan Rahim bin Baba minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna menyatakan sejak Akta Perihal Perdagangan diluluskan, berapa ramaikah peniaga yang telah dihadapkan ke mahkamah di bawah Akta ini dan berapa ramaikah yang telah didapati bersalah. Adakah pihak kementerian bercadang memperketatkan lagi akta ini bagi melindungi hak pengguna.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Tan Chai Ho):

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perihal Dagangan 1972 telah dikuatkuasakan mulai tahun 1972. Walau bagaimanapun, perangkaan berhubung dengan bilangan peniaga-peniaga yang telah dihadapkan ke mahkamah dan yang telah didapati bersalah hanya diselenggarakan sejak kementerian ditubuhkan iaitu pada 27hb Oktober 1990. Sejak kementerian ditubuhkan hingga 30hb Jun 1995 seramai 3,298 peniaga telah dihadapkan ke mahkamah kerana melakukan berbagai kesalahan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972. Daripada jumlah ini seramai 2,373 telah didapati bersalah dan dikenakan hukuman denda berjumlah sebanyak RM2,737,829.00.

Kementerian sentiasa mengkaji peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan dari masa ke semasa dan sekiranya terdapat kelemahan-kelemahan dalam peruntukan undang-undang berkenaan, pindaan-pindaan yang sesuai akan dilakukan. Dalam hubungan ini, kementerian adalah berpuas hati dengan peruntukan-peruntukan yang ada di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 dan ianya memadai untuk memberi perlindungan yang berkesan kepada pengguna-pengguna.

Tuan Rahim Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai Akta Perihal Dagangan berkenaan tawaran istimewa dan juga jualan murah. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa terdapat syarikat-syarikat yang mengadakan jualan murah ataupun tawaran istimewa dan juga mengiklankan di akhbar, dan di bawah iklan itu diletakkan dalam bahasa Inggerisnya 'while stock last' ataupun 'selagi stok masih ada'. Dan apabila pelanggan pergi ke kedai berkenaan, barang yang diiklankan dengan jualan murah telah pun tiada kerana bilangan yang dijual murah terlalu kecil.

Jadi, bagaimanakah cara-cara pihak kementerian untuk mengatasi penipuan yang dilakukan oleh pekedai-pekedai ini?

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan jualan murah atau cheap sale, dengan izin, pegawai-pegawai kementerian saya sentiasa melawat dan membuat siasatan kepada kedai-kedai yang berkenaan. Oleh itu, sesiapa yang ada maklumat bolehlah memberitahu kementerian saya dan pegawai saya akan terus menyiasat.

KATEGORI RUMAH—KAJIAN KEPERLUAN/SASARAN

17. Puan Hajah Habshah binti Haji Osman minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menerangkan definisi rumah kos rendah, kos pertengahan dan kos tinggi dan sudahkah kajian dibuat tentang jumlah permintaan pembeli, pendapatan bulanan dan kemampuan mereka serta masalah yang dihadapi untuk mendapat pinjaman dari bank.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebagai garis panduan perancangan dan pelaksanaan aktiviti perumahan kategori atau jenis rumah ditentukan oleh harganya seperti berikut:

Kategori	Harga (RM)
(i) Harga rendah	25.000 ke bawah
(ii) Harga sederhana	25.001—50.000 (25.001—60.000 di bawah RM7)
(iii) Harga sederhana tinggi	50.001—100.000 (60.000—100.000 di bawah RM7)
(iv) Harga tinggi	100.001 ke atas

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah membuat anggaran mengenai keperluan perumahan dan sasaran bagi Rancangan Malaysia Ketujuh

berdasarkan pendapatan bulanan dan kemampuan penduduk. Kerajaan juga telah termaklum mengenai masalah yang di hadapi oleh pembeli untuk mendapatkan pinjaman dari bank, dan Kementerian Kewangan serta Bank Negara Malaysia sedang memberi perhatian kepada perkara ini.

**KAD PENGENALAN—
KEMUDAHAN PROSES
MEMPERBAHARUI**

18. Puan Hajah Selemiah binti Hashim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah kerajaan bercadang meringkaskan lagi kerja-kerja memproses kad pengenalan agar dapat disempurnakan mengikut jadual;
- (b) tidakkah kerajaan bercadang untuk menempatkan pegawai-pegawai pendaftaran di kawasan luar bandar bagi memudahkan orang-orang tua terutamanya yang uzur untuk memperbaharui kad pengenalan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan telah pun meringkaskan urusan memproses kad pengenalan agar ianya dapat dikeluarkan dengan lebih cepat dan disempurnakan mengikut jadual;
- (b) Kerajaan juga telah pun menyediakan kemudahan di kawasan luar bandar dengan menghantar pegawai-pegawai pendaftaran melalui program-program lawatan oleh pasukan bergerak untuk memudahkan orang-orang tua terutamanya yang uzur untuk memperbaiki kad pengenalan.

**PINJAMAN SKIM C.G.C.—
PENINGKATAN KADAR**

19. Tuan Kan Kok Kwan minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan

sama ada pinjaman C.G.C. untuk peniaga-peniaga kecil dapat ditingkatkan daripada RM5,000 kepada RM10,000 untuk membolehkan mereka memulakan perniagaan mereka.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan (Tuan Idris bin Jusoh): Tuan Yang di-Pertua, skim-skim pinjaman penjaja dan peniaga kecil yang sedang dikendalikan oleh C.G.C. pada masa sekarang telah pun ditingkatkan kepada RM10,000 jika tujuannya ialah untuk modal pusingan dan pembelian peralatan perniagaan. Sekiranya tujuan pinjaman adalah semata-mata untuk modal pusingan, jumlah maksimum pinjaman ialah RM5,000 sahaja.

Pinjaman tanpa faedah yang mengenakan bayaran balik secara mingguan ini boleh dibuat di mana-mana bank perdagangan dan syarikat kewangan berlesen di negara ini. Penjaja dan peniaga kecil yang memenuhi syarat-syarat kelayakan boleh mengemukakan permohonan terus kepada cawangan-cawangan institusi kewangan yang berdekatan dengan tempat mereka tinggal atau perniagaan masing-masing tanpa perlu melalui pihak ketiga.

Pinjaman di bawah skim ini akan dikeluarkan melalui akaun simpanan ataupun akaun semasa pinjaman yang dibuka di cawangan institusi kewangan yang meluluskan pinjaman. Bagi pinjaman yang digunakan untuk tujuan pembelian peralatan perniagaan, pinjaman akan dibayar terus kepada pembekal atau kontraktor yang berkenaan.

Sehingga 30hb Jun seramai 41,436 penjaja dan peniaga kecil telah menikmati kemudahan skim-skim ini dengan nilai pinjaman sebanyak RM132.7 juta.

Sukacita dimaklumkan bahawa peruntukan untuk skim-skim ini telah ditambah sebanyak RM40 juta.

menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan kepada RM160 juta.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat rungutan daripada peniaga-peniaga kecil betapa susahnyanya mendapat pinjaman daripada C.G.C. dan mereka ini menggunakan ceti ataupun 'along' untuk mendapatkan kemudahan dengan senang. Jadi, adakah pihak C.G.C. akan cuba menggunakan *modus operandi* seperti yang dijalankan oleh ceti-ceti haram ataupun 'along-along' ini?

Tuan Yang di-Pertua: 'Along'? Yang Berhormat Tuan Rahim boleh tolong terangkan apa maksud 'along' itu untuk majlis.

Tuan Rahim Baba: Saya percaya semua dalam majlis ini faham maknanya. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Banyak yang tidak faham itu! Sila jawab.

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita di pihak kementerian faham makna 'along' ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya! (*Ketawa*)

Tuan Idris bin Jusoh: Dan kita di pihak kementerian sedang mencari jalan supaya kaedah di C.G.C. itu dipermudahkan, tetapi walau bagaimanapun, nilai-nilai, cara-cara bank yang basicnya, dengan izin, harus dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, di masa yang sama kita juga sedang membuat kajian dengan CPR/USM untuk memudahkan cara-cara peminjaman oleh peniaga-peniaga kecil.

PENYELEWENGAN AKIDAH— LANGKAH MEMBENDUNG

20. Puan Hajah Habshah binti Haji Osman minta Perdana Menteri menerangkan:

- (a) adakah kerajaan sedar, walaupun tindakan telah diambil terhadap kumpulan penyelewengan aqidah ajaran Islam, tetapi terdapat kumpulan-kumpulan yang masih meneruskan aktiviti-aktiviti mereka walaupun dalam bentuk kecil-kecilan, dikhuatiri akan mempengaruhi masyarakat akhirnya; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diatur bagi membendung kegiatan ini.

Dato' Dr. Haji Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) berbagai tindakan telah pun diambil atau dikenakan terhadap kumpulan-kumpulan yang melakukan penyelewengan aqidah ajaran Islam oleh pihak-pihak berkuasa agama negeri. Majlis-majlis penerangan, nasihat dan muzakarah diadakan dengan kumpulan-kumpulan tersebut untuk memberi kesedaran kepada mereka akan ajaran Islam yang sebenarnya. Kita berharap mereka akan kembali kepangkuan masyarakat dan mengamal Islam secara terang-terang dan terbuka;
- (b) langkah-langkah yang telah diatur bagi membendung kegiatan ini ialah dengan memanggil guru-guru dan pengikut-pengikut ajaran menyeleweng untuk diberi kaunseling bagi menyedarkan mereka bahawa ajaran yang diamalkan oleh mereka adalah menyeleweng dari ajaran Islam dan menasihatkan mereka supaya meninggalkan ajaran atau amalan

tersebut. Jika mereka berdegil dan masih meneruskan amalan mereka selepas diberi nasihat dan pemulihan, tindakan yang sewajarnya akan diambil ke atas mereka berdasarkan undang-undang yang sedia ada di negeri-negeri.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan. Siapakah golongan-golongan yang telah diminta oleh pihak kerajaan bagi membantu menyelesaikan masalah ini?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, kumpulan-kumpulan yang dibantu oleh kerajaan ialah:

- (i) Pegawai kerajaan sendiri;
- (ii) Badan-badan dakwah yang bukan kerajaan; dan
- (iii) Orang-orang persendirian yang diiktiraf ilmu pengetahuannya oleh kerajaan.

PENDERAAN KANAK-KANAK— PROGRAM PENCEGAHAN

21. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) bilangan kes yang berlaku mengenai "menderakanak-kanak" sejak awal tahun ini; dan
- (b) sebutkan rancangan jangka masa panjang dan pendek untuk mendidik ibu/bapa/penjaga supaya kes derakanak-kanak tidak berulang kali di tanah air kita.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bilangan kes penganiayaan kanak-kanak yang dilaporkan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat dari Januari hingga April 1995 ialah 189 kes;

(b) Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa berusaha untuk mencegah dan mengurangkan gejala ini dengan mengadakan berbagai program dan aktiviti seperti berikut:

(i) Pasukan Perlindungan Kanak-kanak

Kementerian ini telah menubuhkan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak di negeri dan daerah di peringkat kawasan untuk menyelaraskan perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan;

(ii) Pusat Aktiviti Kanak-kanak

Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menubuhkan 16 buah pusat aktiviti kanak-kanak di seluruh Malaysia untuk memberi khidmat kepada kanak-kanak yang teraniaya dan keluarga yang berisiko tinggi. Sebanyak 30 buah lagi pusat aktiviti kanak-kanak akan ditubuhkan dalam tahun ini bagi memberi perkhidmatan kepada kanak-kanak yang memerlukan.

(iii) Program Kesedaran Masyarakat

Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memulakan perkhidmatan telefon kesedaran. program-program pencegahan seperti seminar, bengkel, forum,

ceramah-ceramah agama, kursus, percetakan poster, risalah dan lain-lain dengan kerjasama agensi-agensi korporat dan swasta.

(iv) **Khidmat Kaunseling**

Kementerian saya menyediakan khidmat kaunseling di setiap daerah di Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi keluarga yang bertelingkah dan membantu mencari penyelesaian supaya suami, isteri, ipar dan mertua dapat berdamai semula. Ini akan mewujudkan suasana aman damai agar anak-anak dalam keluarga berkenaan dipelihara dengan penuh kasih sayang.

**GURU BERKEMPEN
MEMBURUKKAN KERAJAAN—
TINDAKAN**

22. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan yang diambil tentang guru-guru dan kakitangan Kementerian ini yang menentang kerajaan kerana ada kumpulan-kumpulan yang terang-terang menjalankan kegiatan memburuk-buruk Kerajaan Barisan Nasional dalam masa kempen pilihanraya tahun 1995 baru-baru ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ada laporan yang berasas, Kementerian Pendidikan bersedia untuk mengambil tindakan tatatertib mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, setakat ini, Kementerian Pendidikan belum menerima apa-apa laporan mengenainya.

**TUDUHAN MEDIA AMERIKA
SYARIKAT
KEPADA UMAT ISLAM—
BANTAHAN RASMI**

23. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah kementerian bercadang mengemukakan bantahan rasmi kepada Kerajaan Amerika Syarikat kerana menuduh umat Islam melakukan tindakan keganasan berikutan peristiwa pengeboman bangunan Kerajaan Amerika Syarikat di Oklahama.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, Amerika Syarikat tidak pernah membuat sebarang kenyataan rasmi yang menuduh umat Islam mengebom bangunan di Oklahama itu. Sebenarnya, media Amerika Syarikatlah yang telah membuat andaian bahawa puak pelampau Islam yang mungkin terlibat membuat pengeboman tersebut. Dan ada salah seorang Ahli Kongres Amerika (saya telah lupa namanya), dia pun membuat tuduhan yang tidak berasas juga tetapi kemudiannya ditarik balik kenyataan itu dan meminta maaf. Maka oleh sebab itu tidak ada sebab, kita hendak membuat bantahan rasmi kepada Amerika.

**GURU-GURU KEMAS—
JADUAL BERTUGAS**

24. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin minta Menteri Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar ramai guru-guru KEMAS telah, sedang dan akan meletak jawatan oleh kerana mereka tidak puas hati dengan peraturan baru yang dikenakan, iaitu mereka diarah untuk menambahkan waktu mengajar mulai jam 9 pagi hingga 5 petang, berbanding waktu mengajar selama ini dari jam 2 hingga 5 petang tanpa menaikkan kadar elaun, iaitu sebanyak RM400 sebulan;
- (b) sama ada beliau sedar masa yang ditambah itu tidak mendapat

sambutan kerana ramai wanita sedang bekerja, manakala suri rumah pula sedang berurusan di rumah. Apakah rasional di sebalik penambahan waktu itu; dan

- (c) adakah kementerian beliau bercadang untuk menambahkan kadar elaun yang berpatutan bagi guru-guru KEMAS.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Tuan Douglas Unggah Embas): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tidak ada peraturan baru yang dikeluarkan oleh KEMAS berkenaan dengan masa bekerja. Seperti jabatan kerajaan yang lain, semua kakitangan KEMAS dikehendaki bertugas selama 8 jam sehari. Jika jadual bertugas bermula pada pukul 9.00 pagi, waktu tamat ialah pukul 5.00 petang. Jika perjumpaan dengan kumpulan sasar bermula pada pukul 2.00-5.00 petang, persediaan kelas harus dibuat di sebelah pagi iaitu pada jam 9.00 pagi dan seterusnya. Persediaan kelas dimestikan jika mutu pendidikan hendak dipertingkatkan.
- (b) Bekerja selama 8 jam sehari dan sepenuh masa dengan KEMAS adalah perjanjian yang dibuat di antara pemaju masyarakat dengan pentadbiran KEMAS semasa menandatangani kontrak untuk menjawat jawatan pemaju masyarakat.
- (c) Kerajaan dan kementerian belum bercadang untuk menaikkan kadar elaun pemaju-pemaju masyarakat KEMAS. Elaun pemaju-pemaju masyarakat pada masa ini telah diselaraskan dengan SSB, pegawai-pegawai kerajaan yang berkuatkuasa mulai 1.1.1992. Namun begitu, kerajaan dan kementerian senantiasa

memberikan perhatian untuk memperbaiki kebajikan dan syarat-syarat perkhidmatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Rahim.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, saya Ding Seling.

Tuan Yang di-Pertua: Maaf, Yang Berhormat Tuan Ding Seling. Fasal dia dekat dengan mata saya.

Tuan Ding Seling: Nampaknya Tuan Rahim lebih popular. (*Ketawa*) Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, pegawai KEMAS bekerja 8 jam sehari. Saya ingin bertanya adakah pegawai-pegawai KEMAS ini menikmati kemudahan-kemudahan lain seperti juga pegawai-pegawai kerajaan yang juga bekerja 8 jam sehari.

Tuan Douglas Unggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai KEMAS memang dikenakan syarat-syarat perkhidmatan dan apa-apa kemudahan yang ada dalam perjanjian itu akan diberi kepada mereka.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji balik dan menyemak terhadap kelas-kelas KEMAS, terutama sekali TADIKA disebabkan saya mendapat laporan ada kelas-kelas yang tidak menepati syarat terutamanya bilangan murid yang tidak mencukupi sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak kerajaan?

Tuan Douglas Unggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum, banyak kelas-kelas TADIKA ini adalah ditempatkan di luar bandar. Jadi, kalau kita hendak memperketatkan syarat-

syarat, maka yang menjadi mangsa nanti adalah rakyat di luar bandar. Jadi, kerajaan dan kementerian sentiasa hendak meningkatkan perkhidmatan-perkhidmatan di luar bandar. Jadi, kita perlu kena flexible sedikit, dengan izin.

BANJIR KILAT DI KUALA LUMPUR—USAHA MENGATASI MASALAH

25. Tuan Haji Zainal bin Deros minta Perdana Menteri menyatakan bilakah kawasan-kawasan di sekitar Kuala Lumpur dapat bebas daripada banjir yang bukan sahaja menyebabkan lalulintas tetapi juga membuang masa pengguna jalanraya dan juga kerugian dari segi kerosakan kenderaan-kenderaan dan jika ia, bilakah usaha konkrit dapat dijalankan untuk mengatasi masalah yang kronik ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. Ibrahim bin Saad): Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk menyelesaikan masalah banjir, merupakan usaha yang berterusan. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya banjir. Di antaranya ialah:

- (i) ketumpatan hujan yang tinggi dan berlaku dalam masa yang panjang;
- (ii) ketiadaan sistem perparitan yang sempurna;
- (iii) mendakan yang berlaku di sungai-sungai utama.

Dalam menangani masalah ini, berbagai langkah konkrit telah dan sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat oleh Jabatan Pengairan dan Saliran, Wilayah Persekutuan, Lembah Sungai Kelang dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, di bawah program tebatan banjir Lembah Sungai Kelang dan projek perparitan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Di bawah projek tebatan banjir Lembah Sungai

Kelang, komponen-komponen kerja merangkumi pembinaan empangan, penyaluran dan pembaikan sungai-sungai utama seperti Sungai Batu, Sungai Gombak dan Sungai Kelang dan membina terusan lencongan Sungai Gombak, pembinaan kolam takungan banjir di Sungai Batu dan Rumah Pam di Kampung Bahru dan juga kerja-kerja pembuangan kelodak sungai.

Kos projek tebatan banjir Lembah Sungai Kelang dianggarkan RM760 juta. Peruntukan sejumlah RM91.7 juta telah disediakan di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Perbelanjaan sehingga akhir Rancangan Malaysia Kelima ialah RM169 juta. Kerja-kerja projek perparitan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur pula melibatkan pembaikan 8 anak sungai utama, iaitu Sungai Jinjang, Sungai Kroh, Sungai Bohor, Sungai Kuyoh, Sungai Kerayong, Sungai Kemuning, Sungai Balakong dan Sungai Pencala sepanjang 44.2 kilometer. Kos untuk melaksanakan projek perparitan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dianggarkan RM120 juta. Keseluruhan projek dijangka siap pada tahun 2005. Apabila kedua projek ini siap keseluruhannya kelak, maka segala masalah yang dihadapi sekarang ini mungkin dapat kita atasi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri satu soalan lagi.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kepada Timbalan Menteri yang menjawab, di antaranya ialah kerana masalah perparitan. Sudah tentulah di dalam pembangunan syarat-syarat yang telah ditetapkan di mana kita hendak bangukan bangunan, di mana-mana kawasan termasuk di bandar. Syaratnya mestilah mewujudkan satu keadaan perparitan yang sesuai. Jadi, apakah kementerian bercadang untuk mengarah semua kerajaan tempatan dan kerajaan negeri untuk menentukan syarat-

syarat ini diperketatkan dengan dirujukkan kepada.....

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Rashid, saya rasa kita tumpukan kepada Kuala Lumpur sahaja.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Ya, kita tumpukan di Kuala Lumpurilah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, di Kuala Lumpur sahaja.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Kerajaan di Kuala Lumpur ini adalah Dewan Bandaraya dan saya rasa ada juga di Pulau Pinang. Bukan sahaja di Kuala Lumpur, kerana di kawasan bukit juga masalah perparitan dan banjir kilat dan saya rasa oleh sebab soalnya di Kuala Lumpur, jadi saya kaitkan dengan Pulau Pinang.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, dia ingat saya masih lagi di Pulau Pinang. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, sudah tentulah dalam apa-apa syarat-syarat pembangunan sebelum apa-apa 'certificate' atau C.F. atau O.C. diberikan sudah tentulah mereka harus mematuhi segala syarat yang telah ditetapkan oleh Development Order itu, dengan izin. Jika developer tidak mematuhi ini, mereka tidak akan mendapat C.F. Yang saya terangkan tadi ialah usaha-usaha infrastruktur asas yang telah dijalankan atau sedang dijalankan oleh bahagian DBKL dan JPS, Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 26 hingga 61 akan dijilid dalam buku berasingan)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1994 DAN 1995) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (*6hb Julai, 1995*)

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Rahmah, sila sambung.

3.40 ptg.

Puan Hajah Rahmah binti Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon izin untuk menyambung sokongan saya yang terhenti pada 6hb Julai 1995.

Pertamanya, saya ingin menyentuh perkara B. 26 iaitu Kementerian Pendidikan. Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana telah membangunkan banyak sekolah-sekolah baru baik di peringkat menengah juga di peringkat rendah. Yang hendak saya perkatakan di sini iaitu dengan adanya Perbekalan Tambahan yang telah diperuntukkan kepada kementerian ini, jika sekiranya setiap bangunan sekolah baru yang hendak dibangunkan, tidak kira di daerah mana maka saya ingin mencadangkan supaya diambil kira sama bangunan untuk menempatkan tenaga-tenaga pengajar khususnya guru-guru yang akan berkhidmat di sekolah-sekolah baru ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang sedia dimaklumkan bahawa masih ada lagi sekolah-sekolah baru yang didirikan tetapi masih tidak diambil kira langsung tentang rumah-rumah untuk tenaga pengajar ini. Cuba kita fikirkan bersama betapa sulitnya bagi tenaga pengajar yang akan berkhidmat di sekolah-

sekolah baru ini apatah lagi tenaga pengajar sudah pun mempunyai keluarga khususnya anak isteri. Ada sesetengah sekolah baru yang dibangunkan di kawasan-kawasan FELDA misalnya, tenaga pengajar ini terpaksa tinggal di rumah-rumah peneroka yang tidak sesuai bagi seorang tenaga pendidik.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mengharapkan supaya kementerian ini dapat memikirkan bersama tentang masalah yang saya perkatakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh B.34 iaitu Kementerian Kesihatan. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawasanya masalah kekurangan doktor di negara kita amat ketara sekali. Untuk mengatasi masalah ini, saya mencadangkan supaya setiap doktor-doktor yang telah hampir tamat perkhidmatannya atau perjanjiannya dengan kerajaan maka hendaklah kementerian ini membuat sesuatu yang dapat menarik perhatian kepada doktor-doktor ini misalnya digandakan gajinya atau pendapatannya. kerana apa yang kita lihat sekarang rata-rata doktor ini hanya berkhidmat dengan kerajaan cuma untuk melepaskan ikatannya dengan kerajaan. Kalau 5 tahun, maka 5 tahun sahajalah khidmatnya dan kalau 7 tahun, maka 7 tahun jugalah perkhidmatannya.

Melalui kementerian ini juga ingin saya cadangkan supaya diberi ceramah-ceramah kepada kakitangan-kakitangan hospital khususnya jururawat-jururawat setiap dua minggu ataupun sekurang-kurangnya sebulan sekali. cara-cara pendekatan serta cara-cara menghormati pesakit-pesakit supaya pesakit-pesakit tidak merasa keseorangan ataupun merasa takut-takut.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sudah ada sesetengah jabatan yang telah mengamalkan cara ini maka sambutannya amat berkesan sekali di antara kakitangan kerajaan dengan masyarakat umum khususnya masyarakat setempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tertarik dengan perkara B.17 iaitu Kementerian Belia dan Sukan. Sebagaimana yang kita sedia maklum, belia-belia dan belia-beliawanis khususnya rancangan Rakan Muda menjadi perbualan di setiap negeri di dalam negara kita. Kita berterima kasih kepada kerajaan yang mana telah memberi perhatian yang sungguh-sungguh agar negara kita dapat mengisi wawasan di tahun-tahun yang akan mendatang dengan pengisian yang akan membawa negara ke arah kecemerlangan. Di dalam menangani masalah ini, saya ingin menekankan di sini iaitu nasib pekerja-pekerja wanita di bandar-bandar besar. Nasib mereka ini perlulah diberi perhatian serius oleh semua pihak. Di dalam hal ini, saya ingin mencadangkan pertamanya, pihak kerajaan dan majikan hendaklah menyediakan kemudahan perumahan dan asrama dan pengangkutan kepada pekerja-pekerja. Kerajaan juga patut menyediakan latihan intensif dan menyediakan program perkembangan pekerja. Mereka tidak sepatutnya menjadi pekerja yang tidak mahir sepanjang hayat.

Yang kedua, masa rehat yang panjang patut diberikan supaya produktiviti sentiasa berterusan. Yang ketiga, sepatutnya tidak berlaku lagi diskriminasi dari segi upah dan ganjaran di antara pekerja lelaki dengan pekerja perempuan di dalam kerja yang sama. Yang keempat, pihak majikan dan kerajaan sendiri patut menyediakan berbagai kemudahan asas kepada wanita yang bekerja di kilang-kilang. Layanan wajar juga diberikan kepada pekerja-pekerja wanita asing yang bekerja di negara ini. Yang kelimanya, imej wanita yang bekerja di kilang perlulah dipertingkatkan. Gelaran-gelaran seperti "Minah Karan" tidak sepatutnya disiarkan di dalam media-massa. Kesedaran agama dan sivik perlu dilaksanakan sepenuhnya. Selama ini kegiatan-kegiatan itu sangat sedikit dan belum memuaskan.

Yang keenamnya, Kementerian Sumber Manusia perlu mengkaji syarat-syarat

bekerja bagi pekerja-pekerja wanita. Tindakan undang-undang wajar diambil terhadap majikan yang cuba untuk menindas dan mencabuli hak-hak wanita.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan penglibatan belia wanita di dalam pergerakan belia. Walaupun tahap penglibatannya sudah menunjukkan kemajuan yang menggalakkan tetapi belum lagi memuaskan. Di dalam hal ini, beberapa tindakan perlu diambil:

- (a) Sikap masyarakat perlu diubah supaya mempunyai pandangan yang lebih positif terhadap soal wanita dan kepimpinannya. Hal ini amat sukar untuk dilaksanakan kerana sikap dan pendirian manusia tidak berubah dengan senang.
- (b) Belia wanita bukanlah lawan tetapi kawan seperjuangan untuk mencapai matlamat Dasar Belia Negara. Peluang-peluang yang sama wajar diberikan kepada pemimpin-pemimpin wanita berasaskan kebolehan dan kepakaran. Zaman wanita membawa bunga manggar untuk mengalu-alukan kedatangan pemimpin telah pun berlalu.
- (c) Jika terdapat kelemahan di dalam kepimpinan wanita wajarlah diperbaiki dan diberikan bimbingan bukannya turut dibiarkan begitu sahaja tanpa pembelaan sewajarnya. Di dalam hal ini saya merasa dukacita bilangan kaum wanita yang memimpin Majlis Belia Malaysia sangatlah sedikit sedangkan jumlah ahli-ahlinya melebihi kaum lelaki. Kementerian Belia dan Sukan harus mengkaji masalah ini serta mengambil langkah-langkah yang lebih praktikal untuk mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk masa hadapan kita memerlukan lebih ramai lagi kaum wanita yang lebih berkualiti di dalam

pertumbuhan-pertumbuhan sosial. Untuk mencapai hasrat sedemikian, usaha-usaha ke arah tersebut perlulah diberi perhatian.

Pertama, mengadakan kursus-kursus kepimpinan dengan lebih banyak lagi di dalam berbagai peringkat. Bakat pemimpin perlu dipupuk secara berterusan. Usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan sangatlah baik namun begitu, peruntukan yang diberikan oleh kerajaan kepada kementerian ini sangatlah sedikit.

Yang keduanya, mengadakan kursus-kursus kemahiran dan motivasi tertinggi untuk memberi kepercayaan kepada diri sendiri. Di antara kumpulan kursus ialah kursus memberi ucapan, mengendalikan mesyuarat dan perhubungan awam.

Yang ketiga, menghantar pemimpin-pemimpin wanita ke luar negara bagi mendapat pendedahan. Ini bertujuan supaya tahap dan martabat mereka setanding dengan pemimpin-pemimpin wanita di peringkat antarabangsa.

Yang keempat, perlunya ditubuhkan Institut Kepimpinan Wanita untuk melatih generasi baru wanita di dalam kepimpinan. Selama ini, tiada satu institusi khusus yang memberikan penekanan di dalam bidang berkenaan. Institut ini bukan sahaja berfungsi sebagai institusi di peringkat kebangsaan, tetapi juga di peringkat antarabangsa. Menurut pandangan saya, pengurusan kepimpinan wanita tidak boleh lagi diuruskan secara separuh masa atau berkala sahaja. Ini kerana pengurusan dan kepimpinan wanita sudah bersifat profesional dan memerlukan tindakan yang lebih mantap dan cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, biar apa pun perubahan yang dilakukan terhadap wanita, biarlah kekal dengan sifat-sifat kewanitaannya. Di dalam hal ini, saya ingin memetik pendapat Allahyarham Tun Abdul Razak ketika berucap di dalam penutupan

Jubli Perak Pergerakan Wanita UMNO pada 4 Januari 1975. Katanya:

“Kita mahu kaum wanita cergas di dalam sebarang bidang yang boleh memberi kebajikan kepada negara, bangsa dan agama. akan tetapi kita berharap segala langkah dan tindakan serta usaha-usaha yang dilakukan itu tidak akan menjejaskan nilai-nilai kewanitaan yang ada pada mereka yang terpuji dan disanjung.”

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Maksud B.44 iaitu Kementerian Penerangan. Sebagaimana yang kita semua maklum bahawasanya sejak akhir-akhir ini, banyak sudah perkara-perkara yang membabitkan artis-artis kita dengan perkara-perkara yang boleh mengaibkan dengan Kementerian Penerangan. Perkara seumpama ini telah menjadi perbualan masyarakat kita seluruhnya. Di dalam perkara ini saya mencadangkan supaya kementerian ini dapat membuat sesuatu yang lebih berkesan demi untuk menjaga nama baik Kementerian Penerangan serta keseluruhannya.

Dengan adanya perbekalan tambahan yang telah diperuntukkan ini, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada kementerian ini, kenapakah harta pusaka Allahyarham Tan Sri P. Ramlee sehingga ke hari ini masih tidak dapat diselesaikan walaupun apa yang kita tahu Allahyarham Tan Sri P. Ramlee telah meninggal dunia lebih kurang 20 tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh sedikit tentang Maksud B. 52, iaitu Kementerian Kerja Raya. Apa yang berlaku hakisan di jalan susur Genting amatlah mendukacitakan kami semua dan saya mengucapkan takziah kepada keluarga-keluarga yang terlibat kerana apa yang terjadi adalah ditakdirkan dan yang telah ditentukan oleh Yang Maha Berkuasa di atas segala-galanya.

Di dalam perkara ini, kita sebagai manusia hendaklah berikhtiar demi untuk

sama-sama mencari jalan supaya perkara seumpama ini tidak akan terjadi lagi kerana Allah S.W.T juga menuntut supaya kita berikhtiar dengan apa cara sekalipun. Dengan ini saya ingin mencadangkan agar kementerian ini dapat menubuhkan satu Jawatankuasa Khasnya yang terdiri daripada pakar-pakar yang berkebolehan dan yang berpengalaman di dalam kajian untuk mengharapkan supaya perkara yang sedemikian dapat diselamatkan.

Saya dengan ini dengan penuh keikhlasan menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi tahun 1994 dan 1995. Saya juga ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini mengucapkan iaitu, ucapan terima kasih saya rakamkan kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan telah dipilih dan diberi kepercayaan bagi mempengerusikan kami, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud.

3.56 ptg.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, saya mengambil kesempatan yang ringkas ini untuk turut sama berbahas berhubung dengan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994 dan 1995)1995.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Maksud B.4—Suruhanjaya Pilihanraya. Di sini saya ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini, berhubung dengan Suruhanjaya Pilihanraya, terutama sekali berhubung dengan sistem daftar pemilih. Kalau kita lihat dalam sistem daftar pemilih, ada tiga peringkat. Peringkat pertama ialah

peringkat daftar; yang kedua dipamerkan untuk dibuat bantahan; dan seterusnya keluar daftar yang muktamad.

Tetapi apa yang berlaku baru-baru ini, terutama sekali di negeri Kelantan, ada satu kawasan yang dibantah oleh pengundi-pengundi, lebih kurang 4,000 orang di mana oleh kerana ramai sangat bilangan orang yang dibantah, maka pihak SPR telah menjemput pegawai-pegawai pilihanraya daripada negeri-negeri lain untuk membantu di Kelantan supaya bantahan ini dibicarakan ataupun public enquiry, dengan izin, supaya dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Tetapi di dalam public enquiry tersebut, orang-orang yang dibantah tidak hadir dan mengikut peraturannya, mereka ini semestinya dikeluarkan daripada daftar yang akan disahkan oleh SPR. Tetapi apa yang terjadi dalam pilihanraya baru-baru ini, mereka yang dibantah, yang tidak hadir semasa public enquiry ini terus dikekalkan dalam buku daftar pemilih di tempat yang berkenaan, tetapi bagi mereka yang tak pernah membuat perpindahan untuk keluar daripada suatu peti undi—terutamanya kalau kita lihat dalam pameran semasa semakan dalam senarai "C" yang hendak dikeluarkan, tidak ada. Tetapi, apabila tiba waktu pilihanraya, nama mereka ini telah dikeluarkan daripada peti undi yang berkenaan di kawasan Parlimen yang asal mereka dan dikeluarkan mengundi di kawasan yang jauh. Jadi saya berharap, pihak SPR membuat kajian teliti, pihak kerajaan kalau boleh membuat peraturan dan pindaan terhadap perkara ini supaya peristiwa-peristiwa seperti ini tidak berlaku lagi.

Perkara yang kedua ialah berhubung dengan Kementerian Kerja Raya. Dalam Usul Ucapan Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa perasmian Dewan, saya ada menyentuh berhubung dengan Kementerian Kerja Raya, iaitu saya mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya dengan segera

merancang, membuat pelaksanaan supaya satu lebuh raya pantai timur selatan dibina dengan segera sebagaimana Lebuh raya Utara-Selatan. Tetapi, sepanjang penelitian saya, kalau saya silap, saya pohon maaf—saya dapati pihak Kementerian Kerja Raya tidak menjawab, tidak ada ambil bahagian dalam jawapan terhadap soalan-soalan, pertanyaan-pertanyaan dan ucapan-ucapan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Jadi, saya merasa dukacita peristiwa ini berlaku. Sepatutnya setiap pihak kementerian apabila berbahas sesuatu ucapan ataupun apa-apa berhubung dengan kementeriannya, sepatutnya kementerian berkenaan menjawab.

Perkara yang ketiga berhubung dengan Kementerian Penerangan. Dalam soalan lisan minggu lepas, saya ada bertanya Kementerian Penerangan sama ada kerajaan bercadang untuk menyiarkan perbahasan di Dewan Rakyat dan di Dewan Negara sebagaimana dilakukan oleh negara jiran untuk memberi peluang kepada rakyat untuk meneliti perbahasan atau mengikuti sama apa yang berlaku di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Pihak Kementerian Penerangan ada memberi jawapan bahawa kerajaan tidak bercadang buat masa ini kerana pihak kerajaan telah pun menggunakan mass-media kerajaan untuk memberi laporan, terutama sekali persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Apabila saya balik petang itu, hari Rabu, saya menonton televisyen—Warta Berita sehinggalah sampai malam. Pada hal hari tersebut, menteri-menteri atau kementerian-kementerian sedang menjawab soalan-soalan atau jawapan-jawapan berhubung dengan ucapan Ahli-ahli Parlimen yang sebelum daripadanya. Saya lihat tidak ada sepatah pun siaran ataupun berita berhubung dengan persidangan Dewan Negara sedangkan sebagaimana saya dimaklumkan tadi, menteri-menteri menjawab soalan-soalan. Sepatutnya perkara ini perkara penting kerana perkara

yang ditimbulkan di Dewan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, sebarang pertanyaan dan apabila dijawab oleh kementerian-kementerian berkenaan, bermakna ada perkara-perkara baru berhubung dengan kementerian masing-masing. Apatah lagi kita baru sahaja menghadapi pilihanraya. Tetapi tidak ada sedikit pun.

Jadi, saya amat merasa dukacita kerana pihak Kementerian Penerangan tidak merasa peka berhubung dengan perkara-perkara yang berlaku di Dewan Negara terutamanya.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sedikit sebanyak yang saya sentuh berhubung dengan Perbekalan Tambahan ini dan saya harap teguran-teguran yang dibuat sama ada oleh pembangkang, oleh sesiapa sahaja demi untuk kebaikan kita, teguran yang membina diharap pihak kerajaan terutama kementerian yang berkenaan janganlah menganggap perkara ini merupakan tohmahan atau tuduhan-tuduhan semata. Kerana kita di Dewan ini bertugas untuk memberi pandangan dan pendapat demi untuk kemajuan negara yang tercinta. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam bin Awang ya. Untuk perhatian Yang Berhormat Menteri Kewangan, selepas Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam bin Awang berucap dan berbahas, jadi saya akan meminta Yang Berhormat Menteri Kewangan menjawab dan menggulung perbahasan. Silakan.

4.02 ptg.

Tuan Haji Abdul Salam bin Awang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di sini mengucapkan ribuan terima kasih kerana dapat membahar Rancangan Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994 dan 1995) 1995 yang berjumlah lebih kurang RM16 bilion. Apabila peruntukan ini dibuat, sudah tentu kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan berkaitan

ada aktiviti-aktiviti tambahan ataupun penyelesaian kerja-kerja, ataupun masalah-masalah pengurusan yang belum dibereskan. Saya berharap tiap-tiap aktiviti yang dilaksanakan itu benar-benar sampai kepada sasaran akhirnya iaitu untuk membawa kepada kesejahteraan rakyat kita Malaysia.

Nampaknya sehingga hari ini, kita boleh banggakan kedudukan negara kita Malaysia kerana perkembangan ekonominya, suasana rakyat yang berbilang bangsa dapat hidup bersama dengan aman dan penuh harmoni dan banyak lagi kebaikan-kebaikan yang kita terima melalui kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad Perdana Menteri Malaysia; Timbalannya Dato' Seri Anwar bin Ibrahim serta lain-lain pemimpin-pemimpin barisan yang bergabung di bawah panji Barisan Nasional.

Ambil sempena perbahasan ini, saya ingin sentuh kepada beberapa kementerian dan jabatan. Yang pertama ialah B.1 dan B.7—Parlimen dan juga Jabatan Perdana Menteri. Ahli-ahli Parlimen termasuk Ahli-ahli Dewan Negara perlu diberi peluang untuk melawat sambil belajar ke negara-negara luar yang telah pun maju untuk mendapat pengalaman bagi faedah negara. Bagi ahli-ahli yang beragama Islam, di samping melawat negara-negara tertentu patut juga diberi peluang untuk ke negara Saudi Arabia untuk memerhati perkembangan agama Islam di sana supaya dapat mengimbangkan hidup dunia dan akhirat yang diarahkan oleh Allah S.W.T.

Di negara kita ini ada negeri yang bergelar "Negeri Serambi Mekah" tetapi negeri itu dalam segi kemajuannya, duniawi dan ukhrawi tidak melambangkan langsung kehidupan seperti di Mekah itu lagi. Saya berharap pihak Jabatan Perdana Menteri beri perhatian tentang perkara ini, jangan sampai rakyat di pedalaman yang kurang mendapat dakwah-dakwah yang bernas akan terpengaruh dengan Negeri Serambi Mekah itu sehingga akan berasa melawat ke negeri itu sudah sama berkatnya seperti kita pergi ke Mekah.

Satu lagi kementerian yang saya mahu buat cadangan di sini ialah Kementerian Kesihatan iaitu B.34. Disebabkan ramai rakyat-rakyat sekarang mengalami sakit jantung, maka diharapkan tiap-tiap negeri dalam Malaysia ini dibekalkan alat-alat canggih dan diletakkan pakar-pakar penyakit jantung di tiap-tiap negeri berkaitan bagi mengelakkan kematian yang mendadak disebabkan penyakit tersebut.

Tentang lain-lain kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan, kita di dalam Dewan yang mulia ini telah bicara dengan mendalamnya dan saya berharap semua cadangan-cadangan daripada kita semua dapat tindakan dan perhatian daripada pihak-pihak berkenaan dengan sewajarnya.

Dengan ini, saya sokong Rang Undang-undang berkaitan dan di samping ini juga saya ucap tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana dapat perlantikan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, menduduki kerusi Yang di-Pertua kali ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Jadi, saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk menggulung perbahasan. Dipersilakan.

4.06 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin, Yang Berhormat Puan Kian Sit Har, Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba, Yang Berhormat Tuan Ding Seling, Yang Berhormat Puan Hajah Rahmah binti Salleh, Yang Berhormat Tuan Frankie Chong Yu Chee, Yang

Berhormat Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam bin Awang yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan serta menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994 dan 1995) 1995 yang telah dibentangkan.

Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus 1994 yang asal berjumlah RM33.3 bilion dan dengan Tambahan Pertama hingga Tambahan Keempat Perbelanjaan Mengurus 1994 telah meningkat kepada RM50.1 bilion iaitu pertambahan sebanyak RM16.8 bilion. Saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa tiap-tiap permohonan tambahan yang dikemukakan itu telah diperiksa dengan teliti dan Perbendaharaan amatlah prihatin supaya agensi-agensi kerajaan sentiasa berbelanja secara cermat dan berhemat dan sebolehnya berbelanja dengan menggunakan peruntukan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, terdapat peruntukan tertentu yang perlu diberi atas sebab-sebab keputusan baru kerajaan dalam tahun 1994. Antara keputusan kerajaan yang memerlukan tambahan yang jumlahnya besar ialah Projek Penyelenggaraan Khas yang berjumlah RM2 bilion di mana sebanyak RM712 juta adalah dikeluarkan secara peruntukan tambahan. Di samping itu, sebanyak RM14 bilion adalah dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Tindakan ini adalah selaras dengan kehendak Akta Prosedur Kewangan 1957 dan ia hanya merupakan pindahan antara akaun sahaja iaitu dari Akaun Hasil Disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Tindakan ini tidak akan melibatkan perbelanjaan sebenar kerajaan kerana kesemua perbelanjaan pembangunan kerajaan telah diperuntukkan melalui maksud pembangunan bagi projek-projek berkenaan.

Oleh itu, jika sekiranya ditolak RM14 bilion dan RM712 juta untuk projek khas, maka pertambahan sebenarnya hanya RM2.1 bilion atau kenaikan sebanyak

6.3% daripada pertambahan asal sebanyak RM33.3 bilion. Dengan ini, pertambahan sebenar tidaklah jauh daripada peruntukan asal. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan akan memberi keterangan yang lebih lanjut lagi mengenai pindahan antara akaun di dalam Memorandum Perbendaharaan pada masa-masa yang akan datang untuk mengelakkan kekeliruan yang akan timbul. Terdapat cadangan bahawa elok juga Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen kementerian berkenaan menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan seperti yang berlaku di Dewan Rakyat.

Saya ingin menjelaskan bahawa perbincangan bagi Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan di Dewan Rakyat adalah terdiri daripada dua peringkat perbincangan, iaitu:

- (i) perbincangan peringkat dasar am; dan
- (ii) perbincangan peringkat jawatankuasa.

Selepas perbincangan dasar am berakhir, Menteri Kewangan/Timbalan Menteri Kewangan akan menggulung perbincangan bagi menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat bagi pihak semua kementerian yang terlibat dalam anggaran tambahan tersebut. Setelah itu, majlis mesyuarat bersidang dalam peringkat jawatankuasa. Dalam peringkat jawatankuasa ini, tiap-tiap maksud bekalan dan maksud pembangunan bagi semua kementerian akan dibahaskan. Pada peringkat akhir perbincangan, bagi tiap-tiap satu kementerian, Menteri/Timbalan Menteri/Setiausaha Parlimen berkenaan akan terus menjawab atas sebarang isu yang dibangkitkan. Proses ini berterusan sehingga semua maksud bekalan dan pembangunan disetujui dan diluluskan

Berbeza dengan perbincangan di Dewan Negara di mana perbincangan bagi Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan di Dewan Negara adalah perbincangan peringkat dasar am sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sudah menjadi satu amalan bagi Kementerian Kewangan untuk memperolehi segala maklum balas serta jawapan bagi semua perkara yang telah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini dan menjawab bagi pihak semua kementerian, kecuali jika ada kementerian yang berpendapat hendak menjawab sesuatu perkara yang difikirkan perlu.

Mengenai cadangan mendirikan asrama untuk keluarga pesakit di hospital-hospital, sukalah saya menjelaskan bahawa tidak ada disediakan asrama khusus untuk keluarga pesakit. Walau bagaimanapun, telah dicadangkan untuk menyediakan balai pelawat di semua hospital sama ada bagi hospital baru atau naik taraf bagi hospital lama. Balai pelawat ini mempunyai kemudahan-kemudahan untuk keluarga pesakit berehat, sembahyang dan mandi.

Terdapat juga permintaan agar kerajaan mendirikan hospital di pusat pembangunan kawasan Basam, Sarawak. Sebenarnya di bawah Rancangan Malaysia Keenam, kerajaan sedang menyediakan pusat kesihatan di Taman Negara Mulu, Basam. Atas cadangan pembinaan hospital di pusat pembangunan kawasan Basam, Sarawak, Kementerian Kesihatan akan memberi perhatian di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Mengenai peruntukan tambahan sebanyak RM22 juta untuk kegunaan Keretapi Tanah Melayu Berhad, sebenarnya gantian kerugian yang berjumlah RM22 juta dari Ogos, 1992 sehingga Disember, 1994 adalah dibuat kerana Keretapi Tanah Melayu Berhad perlu menyediakan perkhidmatan tren

penumpang di kawasan yang tidak ekonomi dan atas dasar kepentingan sosial di mana pengangkutan lain sukar diperolehi.

Bagi menjawab teguran bahawa semangat kesukanan hampir lumpuh, pemain-pemain menghisap dadah serta mempunyai kelakuan yang tidak diinginkan, terlampau banyak penumpang diberikan kepada pembangunan fizikal, kecergasan dan keperluan kepada pendidikan yang menekankan semangat dan moral. Sukacita saya maklumkan bahawa sebenarnya permasalahan yang dibangkitkan ini hanya melibatkan sebahagian sahaja daripada ahli-ahli sukan. Menyedari hakikat permasalahan tersebut, maka Kementerian Belia dan Sukan telah melancar dan melaksanakan program Rakan Muda yang berteraskan pembentukan nilai-nilai hidup yang baik kepada para pelajar dan belia, termasuk ahli-ahli sukan. Kementerian Belia dan Sukan juga telah meneruskan program-program bercorak pembentukan keperibadian yang baik dan semangat kesukanan yang tinggi dan telah melaksanakan projek-projek pembinaan pusat-pusat Rakan Muda daerah.

Teguran tentang sama ada peruntukan mengurus yang telah diluluskan sebanyak RM71.7 juta itu pada tahun 1995 tidak mencukupi untuk melaksanakan program Rakan Muda oleh Kementerian Belia dan Sukan, saya ingin memaklumkan melalui peruntukan mengurus tahun 1995 sebanyak RM71,720,200 telah diluluskan kepada Kementerian Belia dan Sukan. Daripada jumlah tersebut, hanya sebanyak RM15,693,500 diluluskan untuk pelaksanaan program Rakan Muda pada tahun 1995. Jumlah ini tidak mencukupi dan dengan itu Kementerian Belia dan Sukan memerlukan peruntukan tambahan seperti dipohon dan diluluskan itu ialah RM29,910,000. Pertambahan ini diperlukan setelah mengambil kira pertambahan dan minat para belia dan

masyarakat untuk menyertai program Rakan Muda ini mengikut gaya-gaya hidup Rakan Muda yang telah ditetapkan.

Terdapat cadangan supaya kadar bantuan kebajikan dikaji semula setiap kali kerajaan mengkaji gaji kakitangan kerajaan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sentiasa mengkaji kadar bantuan kebajikan dari semasa ke semasa sesuai dengan aspirasi negara untuk mewujudkan sebuah masyarakat penyayang. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah pun menaikkan kadar pelbagai skim bantuan kebajikan bagi membantu klien jabatan untuk hidup dengan lebih selesa lagi. Di antara kenaikan kadar yang terlibat adalah seperti berikut:

- (i) bantuan orang tua telah dinaikkan daripada RM50 kepada RM70 sebulan seorang;
- (ii) bantuan kanak-kanak telah dinaikkan daripada RM115 kepada RM175 sebulan sekeluarga;
- (iii) elaun pekerja cacat daripada RM50 kepada RM70 sebulan seorang; dan
- (iv) bantuan anak pelihara daripada RM115 hingga RM150 sebulan sekeluarga.

Mengenai B.14 sejumlah RM1.5 juta untuk pertandingan 'landscape' halaman cantik sempena Hari Kebangsaan. Terdapat cadangan supaya iklan-iklan yang dipasang mempunyai lampu supaya keadaan negara kita sentiasa bercahaya. Pihak berkuasa tempatan dicadang juga mengenakan kadar lesen iklan yang rendah kepada syarikat iklan yang memasang iklan berlampu. Sukacita saya memaklumkan, pada masa ini kadar lesen yang dikenakan kepada pengiklan adalah mengikut undang-undang kecil pihak berkuasa tempatan masing-masing. Kebanyakan pihak berkuasa tempatan

mengenakan kadar yang lebih tinggi kepada iklan-iklan yang berlampu berbanding dengan iklan-iklan yang tidak berlampu. Walau bagaimanapun, cadangan ini adalah baik dan akan diberi perhatian.

Mengenai cadangan menjadikan anggota polis sebagai sebahagian daripada masyarakat, dengan itu Polis Diraja Malaysia patut diberikan peruntukan yang lebih supaya dapat berhubung baik dengan masyarakat. Polis perlu mengadakan projek gotong-royong dengan masyarakat. Banyak balai-balai lama perlu diselenggara dan dimodenkan. Sebenarnya Polis Diraja Malaysia memang mempunyai banyak program yang dijalankan bersama untuk masyarakat demi mengeratkan lagi hubungan dengan orang ramai. Ini termasuk program-program sempena sambutan Hari Polis. Balai-balai polis telah diubah suai sejajar dengan konsep terbuka, dengan izin, 'open concept' bagi menggalakkan dan menyenangkan masyarakat mengunjunginya. Kerajaan menyediakan peruntukan untuk menyelenggara balai-balai lama dan membina balai-balai baru. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya terpaksa dibuat secara berperingkat kerana jumlah balai adalah banyak dan melibatkan perbelanjaan yang besar.

Dewan ini juga diberitahu bahawa orang Suku Hulu Sungai bumiputera suka menjadi anggota polis sebagai cara menunjukkan taat setia kepada negara. Mereka kini yang kebanyakannya sudah tua berasa dukacita kerana sedikit bilangan orang muda mereka yang diterima menjadi anggota PDRM. Cadangan supaya diperluaskan peluang kepada orang Suku Hulu Sungai ini untuk berkhidmat dalam PDRM, saya ingin menjelaskan PDRM memang menjalankan pengambilan setiap tahun dan menggalakkan mereka dan sesiapa sahaja yang berminat untuk berkhidmat dalam PDRM.

Walaupun bagaimanapun di dalam pengambilan anggota PDRM adalah

tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan, hanya mereka yang layak dan memenuhi syarat akan diambil tanpa mengira kaum.

Mengenai sungutan berkaitan pemindahan pemilik tanpa disedari oleh pemilik itu sendiri, Suruhanjaya Pilihanraya tidak menafikan bahawa perkara ini telah berlaku terutama sekali SPR menjalankan urusan pendaftaran pemilih tahun 1994 yang lalu. Perbuatan ini telah dilakukan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab untuk tujuan tertentu.

Untuk urusan pendaftaran pemilih tahun 1995 dan tahun-tahun yang akan datang, SPR akan mengambil langkah-langkah yang lebih ketat untuk memastikan perbuatan memindahkan pemilih itu tidak akan berlaku lagi. Tiap-tiap borang permohonan sama ada untuk mendaftar baru atau untuk bertukar alamat akan disemak dengan lebih teliti untuk menentukan kesahihannya. Lebih utama tiap-tiap orang yang telah mendaftar sebagai pemilih hendaklah mengambil kesempatan menyemak daftar pemilih apabila ianya dipamerkan pada tiap-tiap tahun untuk memastikan nama mereka kekal berada di bahagian pilihanraya yang berkenaan.

Berkenaan dengan cadangan untuk menaikkan kadar perbelanjaan calon ketika pilihanraya, sebagaimana yang sedia maklum, kadar perbelanjaan yang boleh dilakukan oleh calon-calon ketika pilihanraya adalah seperti berikut:

- (i) Untuk Parlimen ialah RM50,000
- (ii) Untuk Negeri ialah RM30,000.

Mengenai dengan cadangan supaya kadar perbelanjaan ini dinaikkan ianya akan dikaji oleh SPR. Sebagai menjawab teguran bahawa terdapat nama pemilih yang telah meninggal dunia dalam daftar pemilih, SPR sentiasa mengambil tindakan

mengeluarkan nama-nama pemilih yang telah meninggal dunia dalam daftar pemilih. Hasil dari maklumat yang diterima dari Jabatan Pendaftaran Negara, SPR telah mengeluarkan nama-nama pemilih yang telah meninggal dunia seperti berikut:

1991	-	71,775 orang
1992	-	42,230 orang
1993	-	54,135 orang
1994	-	27,125 orang

Mengenai dengan kenyataan sebilangan Ahli Yang Berhormat bahawa ada orang yang menggunakan nama pemilih yang telah meninggal dunia untuk mengundi, kemungkinan ini sangat sukar untuk berlaku kerana kakitangan SPR yang mengendalikan pilihanraya akan memastikan dengan teliti identiti pemilih yang keluar mengundi, di samping penyeliaan rapi oleh agen-agen yang mewakili calon di tempat-tempat mengundi. Perbuatan mengundi bagi pihak orang yang telah meninggal dunia adalah perbuatan menyamar dan ini adalah satu kesalahan di bawah Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 dan boleh dipenjarakan selama 12 bulan dan didenda tidak kurang daripada RM250 dan tidak lebih dari RM1,000 jika sabit kesalahan.

Satu perkara lagi yang dibangkitkan mengenai SPR ialah masih ramai warganegara yang belum mendaftar sebagai pemilih. SPR menganggarkan terdapat seramai kira-kira 400,000 orang warganegara yang layak, yang masih belum mendaftar sebagai pemilih. Angka ini tidak termasuk mereka yang mencapai usia 21 tahun pada tahun 1995.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, SPR menjalankan urusan pendaftaran pemilih pada tiap-tiap tahun. Untuk tahun 1995 urusan ini akan diadakan

selama 30 hari mulai 24hb Julai, 1995. Adalah diharapkan warganegara yang layak akan mengambil peluang untuk mendaftar dan Ahli-ahli Yang Berhormat juga boleh membantu dengan memberi segala dorongan kepada mereka supaya berbuat demikian.

Mengenai sungutan ada pengundi yang mengundi dua kali, saya ingin memaklumkan SPR sentiasa mengambil langkah-langkah untuk memastikan tidak berlaku kejadian dalam mana seorang pemilih mengundi lebih dari sekali dalam pilihanraya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengundi lebih dari sekali boleh ditakrifkan sebagai menyamar dan ini merupakan kesalahan di bawah Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, mereka boleh dipenjarakan selama 12 bulan atau denda tidak kurang dari RM250 dan tidak lebih daripada RM1,000 jika sabit kesalahan.

Pergandaan dalam daftar pemilih bagi negeri Sabah di mana terdapat kira-kira 11,851 pergandaan di negeri Sabah juga dibangkitkan. Saya ingin memberi jaminan bahawa SPR akan menyiasat dengan lebih lanjut akan perkara tersebut.

Terdapat cadangan mengadakan latihan untuk bakal-bakal calon dalam pilihanraya. SPR akan menimbangkan cadangan tersebut. Ini mungkin akan menimbulkan sedikit masalah dari segi pelaksanaan kerana kebanyakan calon-calon hanya mengetahui dirinya akan dicalonkan oleh pucuk pimpinan parti pada saat-saat akhir sebelum hari penamaan calon. Walau bagaimanapun, SPR akan menyediakan buku bantuan calon yang lengkap dalam mana cara-cara mengisi kertas penamaan diterangkan dengan jelas.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ketika pilihanraya tahun 1995, SPR ada menganjurkan seminar untuk agen-agen bagi bakal-bakal calon dalam

mana mereka telah diberi penerangan yang jelas tentang tugas dan peranan agen-agen yang mewakili calon-calon seperti agen pilihanraya, agen tempat mengundi dan agen mengira undi.

Mengenai perlantikan pegawai pengurus, sukacita saya memaklumkan SPR sangat berhati-hati dalam melantik pegawai pengurus untuk pilihanraya. Mengikut amalan sekarang, kebanyakan dari pegawai-pegawai pengurus adalah terdiri daripada Pegawai Daerah yang sepatutnya mahir dalam menjalankan tugas berdasarkan pengalaman bekerja dan kewujudan mereka dalam perkhidmatan kerajaan.

Untuk membolehkan semua pegawai pengurus membuat keputusan yang tepat, SPR ada menyediakan buku-buku panduan dan check list yang ada kaitan dengan tugas mereka. Di samping beberapa siri taklimat juga diadakan untuk memahirkan mereka menjalankan tugas khusus untuk hari penamaan calon, bilik gerakan ditubuhkan di ibu pejabat SPR untuk membantu pegawai pengurus memutuskan bantahan-bantahan terhadap kertas penamaan calon.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengendalian undi pos sekarang ini dikawal oleh peraturan-peraturan pilihanraya undi pos 1959 dan SPR mematuhi peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam peraturan tersebut. Setakat hari ini pengendalian undi pos telah berjalan dengan baik selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa. Sebaik-baik sahaja dikeluarkan undi-undi pos ini dihantARSERAH oleh Pos Malaysia Berhad ke kem-kem tentera dan pengundi-pengundi sasaran.

Mengenai dengan kelewatan kesampaian kertas-kertas undi kepada pemilih-pemilih pos, SPR sedang mengkaji perkara ini dan seterusnya akan mengambil langkah-langkah bagi

memastikan ianya tidak berulang di masa-masa yang akan datang.

Mengenai perkara di mana terdapat bantahan beramai-ramai yang berlaku di Kelantan itu, SPR telah mengadakan public enquiry, dengan izin, telah menunjukkan bagaimana SPR mengambil perhatian dengan hebatnya. Dan tentang perkara yang telah berlaku iaitu pemilih-pemilih yang seharusnya berada di dalam daftar pemilih dan telah hilang atau tercicir, dan yang tidak harus berada masih berada di dalam daftar itu, SPR akan menyiasat perkara ini dengan lebih mendalam.

Ada cadangan supaya Pusat Islam mengambil tindakan terhadap penyelewengan akidah umat Islam dan menubuhkan sebuah jawatankuasa khusus untuk menangani masalah anti hadis di negara ini.

Mengenai cadangan tersebut, kerajaan, khususnya Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri menyedari dan sentiasa mengikuti perkembangan gejala ini supaya kegiatan ini dapat dibendung dan tidak menjejaskan akidah umat Islam dengan membuat pendekatan yang lebih sistematik, sederhana dan berhikmah di samping menjalankan pelbagai aktiviti kerohanian yang berterusan.

Cadangan supaya menubuhkan Jawatankuasa Anti Hadis, adalah baik dan praktikal. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Pusat Islam sedang mengikuti perkembangan tersebut dan akan mengambil tindakan-tindakan yang perlu seperti berikut:

- (i) mengadakan muzakarah; dan
- (ii) mengadakan penerangan kepada seluruh lapisan masyarakat.

Soal sama ada kajian yang terperinci telah dijalankan terhadap murid-murid yang tidak boleh membaca Al-Quran dan

sejauh manakah kejayaan pengajian Al-Quran di sekolah-sekolah, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan memang ada menjalankan kajian terhadap kebolehan murid-murid membaca Al-Quran di sekolah-sekolah. Berdasarkan kajian ini, terdapat peningkatan kebolehan membaca Al-Quran dan dijangka pada tahun 2000, masalah tidak boleh membaca Al-Quran di kalangan pelajar akan dapat diatasi. Penekanan terhadap pelajaran jawi juga ditekankan di sekolah-sekolah.

Pertanyaan tentang bilakah Kadet Remaja Sekolah akan dilaksanakan? Sebenarnya, Kementerian Pendidikan sudah pun bersetuju melaksanakan projek Kadet Remaja Sekolah dan akan dijalankan di sekolah-sekolah peringkat demi peringkat mulai dari tahun ini.

Pertanyaan tentang persiapan rumah-rumah untuk tenaga guru-guru terutama sekali di kawasan pedalaman, Kementerian Pendidikan memang sedia maklum di atas pentingnya kerajaan menyediakan rumah bagi guru-guru, khususnya di kawasan pedalaman. Perkara ini memang dalam perhatian dan tindakan Kementerian Pendidikan. Lebih banyak peruntukan telah disediakan untuk menyediakan rumah bagi guru-guru di kawasan pedalaman tetapi masalah ini kena diselesaikan secara berperingkat-peringkat.

Soal sambutan terhadap Bank Pertanian Malaysia mengenai tabungan dan bagaimana Bank Pertanian Malaysia menambah atau membantu dalam mengatasi masalah PPRT dan kemajuan Skim Patriot.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini sambutan masyarakat terhadap bantuan Bank Pertanian Malaysia amat menggalakkan.

Bank Pertanian Malaysia dari masa ke semasa bergiat menggalakkan masyarakat untuk menabung dengan Bank Pertanian Malaysia. Pegawai-pegawai bank tersebut telah diarahkan untuk menjalankan promosi serta kempen terhadap murid-murid sekolah di samping memberi taklimat dan penerangan kepada masyarakat sama ada untuk menabung dan membuat pinjaman. Bank Pertanian Malaysia mempunyai skim pinjaman di bawah Skim Pinjaman Khas Pertanian dalam membantu petani bagi mengatasi masalah PPRT.

Berhubung dengan Skim Patriot, akaun-akaun patriot direka sesuai dengan kumpulan sasar dan lapisan umur penyimpannya. Kumpulan sasar bagi akaun patriot diwakili oleh setiap patriot, iaitu patriot muda, patriot remaja, patriot tani, patriot ummah dan patriot 2020. Sehingga akhir tahun 1994 bilangan penyimpan akaun-akaun patriot adalah seramai 618,968 orang. Jumlah simpanan bernilai RM216.8 juta.

Lain-lain simpanan tetap masa— Simpanan tetap masa khas dan Perkhidmatan Patriot Perdana - bilangan penyimpan adalah seramai 153,334 orang dengan jumlah simpanan bernilai RM2,058.1 juta. Banyak keuntungan diperolehi oleh penyimpan-penyimpan patriot di mana beberapa faedah disediakan oleh Bank Pertanian Malaysia seperti perlindungan insuran automatik untuk kecederaan dan kemalangan bagi penyimpan-penyimpan patriot muda, remaja dan tani yang mempunyai baki tertentu. Khairat kematian bernilai RM500 untuk keluarga pemegang akaun Patriot Ummah yang meninggal dunia adalah antara daya penarik yang ditawarkan oleh barisan patriot. Di samping itu, anugerah-anugerah dalam bentuk traktor, alat-alat pertanian, tiket penerbangan mengerjakan umrah adalah antara insentif-insentif khas

bagi memastikan penyimpan-penyimpan terus kekal dengan Bank Pertanian Malaysia.

Mengenai penderaan kanak-kanak, suka saya memaklumkan bahawa masalah penderaan sentiasa diberi perhatian berat oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sehingga ini terdapat sejumlah 3,652 kes yang dilaporkan di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini hanya merupakan 0.04% daripada jumlah kanak-kanak di negara ini.

Namun demikian, Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui berbagai kaedah sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta perlindungan Kanak-kanak 1991 telah mewujudkan berbagai program melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pasukan pelindung kanak-kanak dan juga Pusat Aktiviti Kanak-kanak bagi membendung masalah ini. Walaupun akta ini bukanlah suatu yang punitive, Jabatan Kebajikan Masyarakat bersedia untuk meneliti kembali peruntukan-peruntukan yang sedia ada dan sebarang pindaan sekiranya dicadangkan, kementerian mengambil kira kepentingan dan kebajikan kanak-kanak yang terlibat.

Satu lagi cadangan yang dibangkitkan ialah supaya Pusat Pemulihan Akhlak Juvana mengadakan latihan-latihan yang canggih seperti kelas komputer supaya mereka tidak ketinggalan apabila keluar nanti. Cadangan ini akan diberi perhatian khusus memandangkan ianya selaras dengan objektif Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk memberikan kemahiran vokasional kepada para pelatih yang berada di pusat-pusat pemulihan akhlak di negara ini.

Turut dibangkitkan juga ialah pemulihan penagih-penagih dadah perlu lebih canggih supaya apabila mereka keluar akan dapat diterima oleh

masyarakat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penagih-penagih yang dimasukkan ke dalam pusat-pusat Serenti akan mengikuti program pemulihan pada tahap-tahap tertentu. Apabila mereka keluar dari pusat tersebut, mereka akan diberi perhatian lanjutan bagi membolehkan mereka menyesuaikan diri dalam masyarakat.

Mengenai sama ada bayaran yang dikeluarkan ke atas anggota yang berkhidmat di Bosnia dan Somalia di bawah PBB akan dibayar balik ataupun tidak...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berhenti sebentar, ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 6(3), dengan ini saya menjemput Tuan Abdul Rashid bin Ismail untuk mempengerusikan Majlis Mesyuarat.

**(Tuan Abdul Rashid bin Ismail
mempengerusikan Mesyuarat)**

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Sila sambung, Yang Berhormat.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, mengenai sama ada bayaran yang dikeluarkan ke atas anggota-anggota kita yang berkhidmat di Bosnia dan Somalia di bawah PBB akan dibayar balik atau tidak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap perbelanjaan yang dipersetujui akan dibayar balik oleh PBB. Sebagai contoh, elaun anggota ialah US\$988 sebulan, kos pakaian ialah US\$70 seorang sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memperkenalkan dan memudahkan orang ramai melawat Memorial Tunku Abdul Rahman ini, beberapa langkah telah dibuat, iaitu:

- (a) menyediakan papan tanda di sekitar di jalan di Kuala Lumpur untuk ke Memorial. Papan tanda telah dipasang di sebelas tempat di sepanjang jalan yang dianggap

strategik dengan kerjasama dan bantuan daripada DBKL;

- (b) kedudukan Memorial ini juga telah dipohon untuk dimasukkan ke dalam peta Bandaraya. Pihak DBKL telah bersetuju untuk memasukkan Memorial ini ke dalam peta tersebut apabila percetakan baru bagi peta tersebut dilaksanakan;
- (c) pihak Memorial juga telah mengadakan publisiti kepada orang ramai melalui media cetak dan media elektronik, TV dan Radio;
- (d) phamplet juga telah diedarkan kepada hotel-hotel yang menerangkan penubuhan Memorial ini dan kedudukannya; dan
- (e) Memorial juga telah memohon kepada Malaysia Tourist Association supaya dapat dimasukkan ke dalam program mereka tempat-tempat yang dilawati oleh pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan supaya ceramah diberikan kepada kakitangan hospital, khususnya jururawat supaya lebih menghormati pesakit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kursus-kursus asas dan lanjutan yang diikuti oleh jururawat-jururawat telah mengambil kira perkara-perkara berkaitan dengan perhubungan dengan pesakit. Kementerian akan lebih menekankan perkara ini dan selaras dengan konsep masyarakat penyayang.

Cadangan supaya pegawai perubatan yang tamat latihan housemanship diberi syarat perkhidmatan yang lebih baik untuk mengekalkan mereka dalam perkhidmatan. kementerian memang peka terhadap masalah pegawai perubatan golongan ini. Antara inisiatif yang telah diberikan ialah elaun kritikal, elaun "on-call". Peluang yang lebih banyak untuk memperolehi kelayakan yang lebih tinggi

memberi elaun kepakaran kepada mereka yang memperolehi ijazah lanjutan. Kementerian sentiasa mengkaji langkah-langkah bagi memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai perubatan.

Tentang cadangan supaya diadakan alat-alat yang lebih canggih dan doktor bagi penyakit jantung, untuk makluman Yang Berhormat, pusat jantung telah ditubuhkan di hospital di Johor Bahru dan juga di Hospital Kuching pada tahun yang akan datang ini. Selain daripada itu, semua hospital utama di setiap negeri dibekalkan dengan alat yang baik bagi merawat pesakit jantung.

Ada cadangan supaya Kementerian Belia dan Sukan mengkaji masalah dan mengambil langkah mengatasi kekurangan pimpinan-pemimpin wanita dalam kepimpinan Majlis Belia Malaysia dan juga kekurangan penglibatan wanita dalam kesatuan/pertubuhan belia, dan yang kedua, supaya diadakan kursus-kursus kepimpinan dan pimpinan, khasnya untuk kaum wanita, dan yang ketiga, supaya dalam diadakan kursus kemahiran dan motivasi seperti memberi ucapan, mengendalikan mesyuarat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pembangunan kepimpinan belia wanita dilihat tidak terasing dengan pembangunan kepimpinan belia keseluruhannya. Peluang kemajuan yang diberikan tidaklah berasaskan kepada jantina. Kementerian Belia dan Sukan akan mengambil kira cadangan Yang Berhormat Puan Hajah Rahmah binti Salleh dengan perancangan program-program pada masa akan datang.

Tentang kualiti keputusan peperiksaan sekolah di luar bandar yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Ding Seling, maka difikirkan adalah perlu diberi pertimbangan kepada pelajar-pelajar luar bandar yang semasa mereka memohon biasiswa untuk memberi peluang yang

lebih tinggi untuk mereka melanjutkan pelajarannya. Yang kedua, adakah dicadangkan mengadakan sekolah khas bagi sekolah menengah dan sekolah rendah untuk murid-murid dari luar bandar yang mempunyai potensi yang tinggi dan sekolah itu perlu dilengkapi dengan kelengkapan fizikal yang cukup seperti sekolah-sekolah berasrama penuh. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian biasiswa adalah berdasarkan kepada pencapaian akademik pelajar dan penglibatan dalam kokurikulum. Di samping itu, latar belakang keluarga dan pelajar-pelajar di luar bandar diberi pertimbangan untuk mendapat biasiswa.

Bagi bidang pendidikan khas akan diperluaskan lagi dan diperuntukkan menerusi sekolah-sekolah biasa. Peruntukan juga akan ditambah untuk tujuan ini.

Tentang peristiwa yang baru berlaku di Genting Highlands, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang menunggu laporan-laporan yang lebih teliti untuk kerajaan meneliti dan untuk menentukan langkah-langkah supaya kita dapat kita mengelakkan peristiwa seumpama ini tidak berlaku pada masa-masa akan datang.

Mengenai siaran perlunya diberi keutamaan tentang perjalanan Dewan Negara oleh pihak Kementerian Penerangan, saya percaya Jabatan Penerangan akan mengambil kira tentang cadangan yang telah dikemukakan.

Jadi, dengan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini. Jika sekiranya ada perkara yang tidak sempat saya jawab, saya percaya perkara-perkara tersebut telah diambil perhatian oleh kementerian dan jabatan yang berkenaan untuk pertimbangan dan tindakan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun (1994 dan 1995) 1995 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu, dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun (1994 dan 1995) 1995 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu telah pun dipersetujui tanpa pindaan.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2), peraturan majlis Dewan Negara, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994 dan 1995) 1995 ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan

Tambahan ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua

4. 52 ptg .

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda seksyen 2, 10, 20 dan 23 Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan. Secara ringkasnya, Rang Undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan meminda Jadual Kelapan, Perlembagaan Persekutuan bagi menambah bilangan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan juga mengadakan peruntukan mengenai perlantikan Yang di-Pertua daripada kalangan mereka yang bukan Ahli Dewan Undangan. Ia juga bertujuan mengadakan peruntukan yang mencukupi mengenai jawatan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 2 Rang Undang-undang ini bertujuan meminda perenggan 2(2)(b) BAHAGIAN I, Jadual Kelapan untuk mengadakan peruntukan mengenai penambahan komposisi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan daripada 8

kepada 10. Sebagai tambahan, satu pindaan yang serupa dengan pindaan itu juga dibuat kepada perenggan 20(2)(b) BAHAGIAN II yang mengandungi peruntukan alternatif bagi BAHAGIAN I.

Seksyen 10 Jadual Kelapan, Perlembagaan Persekutuan juga dipinda dengan menggantikan subseksyen 10(1) dan (2) dengan subseksyen 10(1)(1A), (1B) dan (2). Ini adalah peruntukan baru mengenai Yang di-Pertua Dewan Undangan.

Subseksyen 10(1) mengadakan peruntukan bagi pemilihan Yang di-Pertua oleh Dewan Undangan. Tiada apa-apa urusan boleh dijalankan semasa jawatan Yang di-Pertua kosong selain daripada pemilihan Yang di-Pertua.

Subseksyen baru 10(1A) yang dicadangkan memperuntukkan bahawa;

“Seseorang tidak boleh dipilih sebagai Yang di-Pertua melainkan jika:

- (a) dia menjadi Ahli Dewan Undangan; atau
- (b) dia layak menjadi Ahli Dewan Undangan”

Subseksyen baru 10(1B) memperuntukkan bahawa;

“Jika mana-mana orang yang bukan Ahli Dewan Undangan dipilih sebagai Yang di-Pertua, dia hendaklah:

- (a) mengangkat sumpah jawatan sebelum menjalankan tugasnya; dan
- (b) oleh sebab dia memegang jawatannya itu menjadi Ahli Dewan Undangan sebagai tambahan kepada Ahli-ahli Dewan yang lain.”

“Walau bagaimanapun, ini tidaklah menyentuh peruntukan seksyen 2.

Menurut kuasa perenggan (b). Yang di-Pertua tidak berhak mengundi atas apa-apa perkara di hadapan Dewan Undangan.

Tuan yang di-Pertua, subseksyen 10(2) memperuntukkan bahawa Yang di-Pertua boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa. Selanjutnya, ia mengadakan peruntukan mengenai keadaan di mana Yang di-Pertua hendaklah mengosongkan jawatannya, iaitu:

- “(a) apabila Dewan Undangan bermesyuarat bagi pertamakalinya selepas suatu pilihanraya umum;
- (b) apabila dia terhenti menjadi Ahli Dewan Undangan melainkan oleh sebab pembubaran Dewan atau jika dia terhenti berkelayakan menjadi Ahli Dewan Undangan di bawah Perenggan 10(1B)(b);
- (c) apabila dia telah menjadi hilang kelayakan di bawah subseksyen 10(4) yang sedia ada; atau
- (d) jika pada bila-bila masa Dewan membuat ketetapan sedemikian.”

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara di atas, subseksyen 23(1) telah dipinda dengan memotong perkataan “kecuali seksyen 10 yang diubahsuai seperti yang dinyatakan dalam subseksyen (2) seksyen ini”.

Seksyen 23 dipinda seterusnya dengan memotong subseksyen (2). Akibatnya, subseksyen 23(1) yang sedia ada dinomborkan semula, kini sebagai seksyen 23. Pindaan ini merupakan pindaan berbangkit yang diperlukan oleh sebab pindaan kepada Seksyen 10.

Tuan Yang di-Pertua, kemenangan kerajaan Barisan Nasional di dalam Pilihanraya Umum tahun 1995 baru-baru ini adalah kemenangan terbaik dan paling cemerlang dalam sejarah pilihanraya negara. (*Tepuk*) Kemenangan ini juga membuktikan sokongan padu rakyat terhadap ketokohan dan kepimpinan Yang

Amat Berhormat Dato’ Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri menerajui kepimpinan negara ketika ini.

Kemenangan ini sebenarnya adalah kemenangan rakyat di atas rasa kesedaran, keinsafan, komitmen mereka keseluruhannya yang mahu melihat taraf hidup mereka terus dibela dan dipertingkatkan pada masa-masa hadapan. Sebagai Wakil Rakyat yang terpilih, sudah tentu janji dan ikrar perlu ditunaikan untuk menyempurnakan segala amanah dan kepercayaan yang telah diberikan.

Kerajaan Barisan Nasional tidak akan bersikap sombong dalam kepimpinannya dan memandang permasalahan rakyat secara sambil lewa, sebaliknya akan bekerja keras dan melibatkan usaha meningkatkan hidup rakyat agar lebih baik berbanding masa yang lalu. Dengan kebijaksanaan dan kekuatan yang ada pada kerajaan Barisan Nasional peringkat kebangsaan dan negeri, pembangunan dan kemajuan akan dicurahkan kepada rakyat dengan matlamat menuju abad ke-21 dengan penuh keyakinan. Ini kerana kita berpegang kepada prinsip keadilan dan berwawasan dengan memberi perkhidmatan yang lebih efisien. Ringkasnya, pilihanraya umum 1995 amat menarik kerana keputusannya memberi keyakinan yang lebih besar kepada dasar, wawasan dan kepimpinan Dato’ Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Ternyata dari segi politik, para pengundi memilih pembangunan berwawasan. Pengundi menolak isu perkauman yang boleh meruntuhkan kemakmuran dan keharmonian negara. Berdasarkan kepada hakikat inilah sewajarnya Akta Perlembagaan Persekutuan ini dipinda selaras dengan keperluan semasa bagi meneruskan pelan pembangunan negara yang dirancang di laksanakan tanpa sebarang halangan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini merupakan satu perubahan baru untuk memberi keberkesanan kepada struktur pentadbiran kerajaan negeri bagi meningkatkan perkhidmatan mereka kepada rakyat.

Pada masa sekarang kerajaan-kerajaan negeri di Kedah, Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor, Sabah dan Johor mempunyai keanggotaan 8 orang exco, sementara kerajaan negeri Sarawak dan Pulau Pinang-7 dan Perlis hanya 6 orang Exco. Dengan kepesatan arus pembangunan ekonomi negeri yang berorientasikan untuk merealisasikan wadiah Wawasan 2020 menjadikan Malaysia sebuah negara maju, tidak dapat dinafikan bahawa pertambahan bilangan anggota Exco ini dapat memastikan pembahagian tugas yang sama rata dan membolehkan tumpuan dapat diberikan untuk melaksanakan program-program pembangunan negeri dapat berjalan dengan lebih licin dan berkesan lagi. Jelasnya bilangan anggota Exco ini tidak harus dilihat sebagai satu pembaziran, sebaliknya sebagai suatu keperluan untuk menyelia dan mengawal pelaksanaan program-program kerajaan demi kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Sungguhpun demikian, ini tidaklah bermakna semua negeri-negeri mesti memenuhi atau menambah bilangan anggota Exco di negeri masing-masing, tetapi terpulanglah kepada kebijaksanaan dan budi bicara pucuk pimpinan negeri untuk mengkaji dan mengikut keperluan setempat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan untuk membenarkan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dilantik dari kalangan Ahli Dewan Undangan Negeri atau bukan Ahli Dewan Undangan Negeri merupakan satu perubahan positif dan amat bermakna sekali. Kelonggaran ini membolehkan pemilihan dapat dibuat, misalnya, di

kalangan bekas tokoh politik, pentadbir, tentera atau polis, hakim atau peguam atau orang-orang lain yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam perkhidmatan dan kerjayamereka. Mereka juga mestilah bersih dan bebas dari salah laku undang-undang.

Selaras dengan amalan demokrasi berparlimen, perlantikan Yang di-Pertua Dewan adalah untuk memelihara keutuhan dan kemuliaan Dewan Undangan. Pindaan yang di bawa oleh Dewan yang mulia ini akan membolehkan pemilihan jawatan Yang di-Pertua Dewan boleh diisikan oleh mereka yang benar-benar berkelayakan, berpengalaman dan berkemahiran untuk mentadbir perjalanan Dewan ke arah mengangkat martabat dan imej Dewan Undangan Negeri yang diwakili.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berkeyakinan bahawa pindaan-pindaan Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengan penambahan bilangan anggota Exco kerajaan-kerajaan negeri dan kelonggaran perlantikan Yang di-Pertua Dewan Undangan adalah wajar dalam usaha untuk membawa paradigma baru bagi memantapkan urusan pentadbiran kerajaan negeri ke arah kecemerlangan dan berwawasan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan, dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Datuk K. Vijayanathan.

5.05 ptg.

Datuk K. Vijayanathan a/l Keseva Pillai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara kerana diberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan. Syabas kepada kerajaan kerana membentangkan Rang Undang-undang ini untuk membuat pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan terutamanya Jadual Kelapan dan beberapa bahagian tertentu daripada Bahagian 1, 2 dan 3. Kerajaan Barisan Nasional telah sebelum ini dan dalam manifestonya menjamin satu kerajaan yang cekap dan amanah.

Maka selaras dengan janji kerajaan itu, untuk mengadakan satu kerajaan yang cekap pada peringkat persekutuan dan juga pada peringkat negeri. Pindaan-pindaan yang dinyatakan dalam Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menambahkan komposisi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri daripada 8 orang kepada 10 orang. Rang Undang-undang ini juga memberikan peruntukan bagi pemilihan seorang Yang di-Pertua, sama ada dari kalangan Ahli yang dipilih atau daripada kalangan orang yang layak di pilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, tetapi bukanlah Ahli Dewan. Dewan Undangan boleh juga memilih seorang Yang di-Pertua daripada Ahli-ahli Dewan Undangan Negerinya seperti yang diperuntukkan di bawah Rang Undang-undang yang ada pada masa ini. Dalam hal ini, kalau Yang di-Pertua yang dipilih itu bukanlah Ahli Dewan, adalah saya mencadangkan supaya keutamaan diberi kepada bekas Ahli Parlimen dan keutamaan adalah kepada Ahli Dewan Negara (Senator-senator). Sebabnya, ialah bahawa bekas Ahli Dewan Negara walaupun terlibat dalam proses membuat undang-undang dalam tempoh perkhidmatan mereka sebagai Senator. Tambahan pula saya ingin mencadangkan supaya seorang wanita diberi peluang bertugas sebagai Yang di-Pertua. Dewan Undangan Negeri-negeri masing-masing.

Suka saya menarik perhatian Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, bahawa Speaker House of Commons, di Britain, dengan izin, pada masa ini adalah seorang wanita. Langkah untuk penambahan komposisi Ahli Majlis Mesyuarat kerajaan negeri mestilah dipuji sebab ia akan melicinkan perjalanan kerajaan negeri dan menjadikannya lebih cekap. Pada masa ini, seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri terpaksa memegang lebih daripada satu jawatan. Adalah diharapkan bahawa dengan penambahan keahlian Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ini tanggungjawab tiap-tiap Majlis itu akan dibahagikan dengan lebih selaras dan lebih berkesan.

Selaras dengan tujuan Dewan Rakyat untuk menambahkan keahlian Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, adalah dicadangkan supaya Dewan Rakyat juga memeriksa komposisi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sepertimana yang mereka kenali pada masa ini. Seperti mana yang diketahui oleh Ahli Dewan yang mulia ini, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri diketuai oleh seorang Menteri Besar atau Ketua Menteri dan gelaran mereka adalah Ketua Menteri atau Menteri Besar dan bukan Ketua Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Ertinya dengan gelaran itu, mereka memegang kuasa dan tanggungjawab yang terbanyak sekali di antara kumpulan yang sama taraf itu. Mereka memegang jawatan yang boleh dikatakan *primus inter pares* dalam bahasa Latin ataupun "first among equals" dalam bahasa Inggeris, dengan izin jika dibandingkan dengan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang lain.

Jadi, kalau Ketua Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri diberi gelaran Ketua Menteri ataupun Menteri Besar, adalah tidak sesuai jika Ahli-ahli lain Kabinetnya ataupun Majlis Mesyuarat Kerajaan diberi gelaran Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sahaja. Sebab itu, saya ingin mencadangkan bahawa semua Ahli Majlis

Mesyuarat Kerajaan Negeri diberi gelaran Menteri Negeri. Ketua Majlis Mesyuarat Negeri akan diberi gelaran Ketua Menteri ataupun Menteri Besar seperti yang ada sekarang.

Dengan wujudnya gelaran Menteri Negeri, saya ingin menegaskan bahawa tidak akan berlaku kekeliruan di antara Menteri Persekutuan dan Menteri Negeri. Pada masa ini, semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri diberi pejabat di satu tingkat di dalam sebuah bangunan Kerajaan Negeri. Adalah juga saya cadangkan bahawa langkah-langkah diambil untuk menempatkan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau Menteri Negeri dalam satu jabatan di bawah bidang kuasanya. Misalnya Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang diberi tanggungjawab portfolio Jabatan Perumahan ialah diberi pejabat di bahagian Jabatan Perumahan juga. Begitu juga misalnya Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang memegang portfolio Jabatan Kerajaan Tempatan mesti diberi pejabat dalam jabatan itu juga. Dengan ini, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tersebut akan mendapat talian terus dengan jabatan di bawah bidang kuasanya. Ia juga mudah dihubungi oleh rakyat dan pembayar taksir.

Sebelum saya undur diri, saya ingin mengucapkan terima kasih lagi kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara kerana memberi peluang ini untuk memberi pandangan saya terhadap Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan. Sekian.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Yang Berhormat Tuan Rahim Baba.

5.13 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terimakasih kerana diberikan kesempatan untuk

memberikan pandangan dan juga pendapat saya mengenai Akta Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1995 dan juga seterusnya menyokong pindaan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua perubahan besar sepertimana yang telah pun diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi terhadap pindaan Akta ini. Pertamanya, mengenai perlantikan Yang di-Pertua Dewan Negeri ataupun Speaker dari kalangan bukan Ahli Dewan dan yang keduanya, mengenai pertambahan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri ataupun Exco daripada 8 orang kepada tidak lebih dari 10 orang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai kedudukan Yang di-Pertua Dewan Negeri. Selama ini jawatan Yang di-Pertua Dewan dianggap jawatan yang kurang penting dan tidak mempunyai pengaruh dan juga keperluan di dalam masyarakat meskipun dari segi protokol jawatan tersebut mempunyai kedudukan yang tinggi, malah ada yang menganggap bahawa jawatan Yang di-Pertua Dewan sebagai jawatan bagi mereka yang telah bersara ataupun yang akan memasuki alam persaraan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini seseorang Yang di-Pertua Dewan hanya boleh dipilih dari kalangan Ahli Dewan Negeri yang berkenaan yang memenangi sesuatu pilihanraya dan dengan pindaan ini seorang Yang di-Pertua boleh juga dipilih bukan hanya daripada Ahli Dewan Undangan Negeri tetapi juga daripada mereka yang terdiri daripada bukan Ahli Dewan. Ini satu perubahan besar yang patut kita alu-alukan dan diharapkan melalui pindaan ini sebuah Dewan Undangan Negeri mempunyai pilihan yang lebih luas untuk memilih Yang di-Pertuanya.

Sebelum menghuraikan pandangan saya mengenai peranan Speaker ataupun Yang di-Pertua sesebuah Dewan

perundangan baik Dewan Undangan Negeri, Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara, izinkan saya memperkatakan apa yang dikatakan oleh Philips Loundy dalam bukunya mengenai tugas seorang Speaker. Dengan izin:

“A Speaker is or should be one of the trustees of the nation liberties, on his fair interpretation of the rules of procedure depends the protection of the rights of Members. In protecting these rights, he is protecting the political freedom of the people as a whole”.

Yang bererti bahawa seorang Speaker ataupun Yang di-Pertua Dewan Undangan adalah salah seorang daripada pemegang amanah kebebasan sesuatu bangsa. Beliau dianggap telah mempertahankan hak Ahli Dewan dengan interpretasi yang adil terhadap sebarang peraturan Dewan. Dengan menjaga hak Ahli ini, beliau sebenarnya mempertahankan kebebasan politik keseluruhan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, ini bererti betapa beratnya tugas dan amanah yang dipikul oleh seseorang Speaker ataupun Yang di-Pertua. Walau apa pun pendirian peribadi seorang Yang di-Pertua dari segi politik, seorang Yang di-Pertua itu, beliau hendaklah sedar bahawa beliau adalah seorang pemegang amanah kepada sebuah Dewan perundangan dan juga beliau bertanggungjawab kepada negara dan beliau juga memastikan agar demokrasi terus subur di sesebuah negara itu. Beliau bukan hanya setakat seorang yang adil tetapi mestilah dilihat dan juga dirasai sebagai adil oleh bukan sahaja anggota-anggota Dewan tetapi juga oleh masyarakat keseluruhannya.

Seseorang Yang di-Pertua bukan sahaja bertanggungjawab memastikan perjalanan persidangan sesebuah Dewan perundangan agar ianya berjalan dengan lancar dan teratur bagi meluluskan sebarang Rang Undang-undang tetapi ianya juga

melibatkan soal demokrasi, soal hak keistimewaan Ahli-ahli dan juga soal masa hadapan negara. Oleh itu, seseorang Yang di-Pertua itu perlulah mempunyai ciri-ciri perawakan dan juga keperibadian untuk melaksanakan amanah murni dan tinggi yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan melalui pindaan ini, ianya akan memberikan ruang yang lebih kepada Dewan Undangan untuk memilih Yang di-Pertua yang difikirkan boleh memenuhi ciri-ciri yang diperlukan. Oleh kerana seorang Yang di-Pertua itu akan memikul amanah dan juga tanggungjawab yang besar, saya cadangkan supaya calon Yang di-Pertua mestilah mempunyai rekod yang bersih, rekod yang adil, yang amanah dan juga mempunyai kecemerlangan di dalam jawatan-jawatan yang pernah disandang dan beliau, sepertimana yang telah pun disarankan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, tidak terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang tidak bermaruah dan juga bermoral.

Seorang Yang di-Pertua mestilah mempunyai perwatakan dan juga kredibiliti sebagai seorang ketua Dewan dan juga oleh seluruh masyarakat. Beliau bukan hanya mempengerusikan mesyuarat Dewan Undangan, tetapi juga bertindak sebagai pengurus kepada sebuah Dewan Undangan. Beliau mestilah bertanggungjawab kepada semua urusan dan juga pentadbiran sesebuah Dewan Undangan. Beliau juga mestilah memainkan peranan agar masyarakat umum terus menghormati dan juga menyedari akan peranan sebuah Dewan Perundangan yang membuat undang-undang.

Masyarakat juga mestilah sentiasa dimaklumkan akan peranan ahli-ahli politik dalam menentukan masa depan masyarakat itu. Tanggapan negatif masyarakat terhadap ahli-ahli politik yang kononnya hanya berjuang untuk

kepentingan dan juga kekayaan diri mereka sendiri mestilah dikikis dan juga dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ditekankan dalam Akta ini ialah penambahan ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri kepada tidak lebih daripada 10 orang. Memang tidak dapat dinafikan, seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, pertambahan tugas dan juga tanggungjawab kerajaan-kerajaan negeri di masa ini, khasnya semasa kerajaan menuju ke Wawasan 2020. Dengan bertambah majunya negara dan juga bertambahnya keperluan dan juga kehendak rakyat, adalah wajar bilangan Exco negeri-negeri ditambah.

Tetapi, janganlah pula ada kerajaan negeri yang menganggap bahawa pertambahan Exco kerajaan negeri ini sebagai sesuatu yang wajib dipenuhi oleh semua negeri. Kita kena mengakui perbezaan taraf kemajuan dan juga keperluan negeri-negeri. Penambahan jawatan Exco ini, saya harap hanya akan dilakukan apabila difikirkan benar-benar perlu kerana akta yang diluluskan ini menekankan perkataan "tidak lebih daripada 10" dan bukannya semestinya 10 orang bagi setiap sebuah negeri.

Sebarang pertambahan Exco akan melibatkan pertambahan perbelanjaan kerajaan. Sebarang pertambahan perbelanjaan kerajaan bererti pertambahan perbelanjaan yang kena dipikul oleh rakyat. Kepada yang akan dilantik, saya berharap, insafilah bahawa imbuhan yang diperolehi adalah hasil cukai yang dibayar oleh rakyat dan juga rakyat berhak mendapat pulangan yang setimpal daripada perkhidmatan ahli-ahli Exco yang dilantik.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama juga, saya berharap Menteri-menteri Besar ataupun Ketua-ketua Menteri hendaklah menggunakan kebijaksanaan

masing-masing dalam membahagikan tugas kepada Exco masing-masing. Pembahagian dan penentuan tugas hendaklah mengikut kemampuan dan juga kesesuaian. Adalah keterlaluan kalau ada Menteri Besar yang memegang terlalu banyak potfolio dan pada masa yang sama, terdapat ahli Exco yang tidak mempunyai cukup peranan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Dato' K. Vijayanathan telah pun menimbulkan soal kedudukan Ketua Menteri dan juga Menteri-menteri Besar. Kalau saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, kenapa ada perbezaan definisi ataupun kedudukan tentang ketua pentadbir negeri-negeri, iaitu bagi negeri-negeri-setengah negeri dipanggil Menteri Besar, setengah negeri dipanggil Ketua Menteri, jawapannya ialah, bagi negeri-negeri yang mempunyai Menteri Besar, kerana negeri ini mempunyai Raja-raja ataupun Sultan-sultan, tetapi bagi negeri yang menggunakan term Ketua Menteri kerana negeri ini tidak mempunyai Raja ataupun Sultan dan adalah terdiri daripada negeri-negeri selat-kalau dari segi sejarahnya.

Ini adalah peninggalan sejarah dan saya fikir sudah sampai masanya, oleh kerana tugas, baik Menteri Besar ataupun Ketua Menteri adalah sama. Jadi, saya berharap nama jawatan-jawatan Menteri Besar ataupun Ketua Menteri ini akan dapat diselaraskan supaya tidak menjadi kekeliruan.

Begitu juga sepertimana yang telah dikatakan tadi, kedudukan Exco yang menyerupai kedudukan Menteri di peringkat negeri. Dua buah negeri di negara kita-Sabah dan Sarawak menggunakan sistem kementerian atau sistem Menteri kepada Ahli-ahli Exconya, tetapi bagi negeri-negeri di Semenanjung, masih lagi menggunakan Ahli Mesyuarat Dewan Undangan ataupun Exco.

Jadi, saya berharap dibuat penyelarasan supaya tidak timbul kekeliruan apabila kita berhubung—apabila adanya hubungan kita dengan negara-negara luar. Kalau hendak panggil Exco, semua, seluruh negara kita panggil Exco; kalau hendak panggil Menteri, semua, seluruh negara kita panggil Menteri supaya ada penyelarasan di antara kedua-dua kedudukan ini yang saya rasa baik Menteri di peringkat negeri ataupun Exco di peringkat negeri mempunyai kedudukan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, saya juga mengalu-alukan pertambahan Exco ataupun Ahli Mesyuarat Dewan Undangan Negeri kepada 10 orang ini, tetapi saya rasa juga sudah sampai masanya kerajaan pusat juga memikirkan sistem pentadbiran dan juga perundangan yang sesuai bagi lebih daripada 1.2 juta penduduk di ibu kota kita ini. Di peringkat negeri, rakyat mendapat perkhidmatan daripada Wakil Rakyat, daripada wakil Parlimen, daripada Exco, daripada Pegawai Daerah, Penghulu, Ketua Kampung, Jawatankuasa Kemajuan Kampung dan lain-lainnya, tetapi rakyat di Wilayah Persekutuan hanyalah mendapatkan perkhidmatan daripada wakil-wakil Parlimen. Tiada wakil Dewan Undangan Negeri, tiada Exco, tiada Pegawai Daerah dan juga lain-lainnya, pada hal hampir-hampir 8% daripada penduduk negara ini menetap di Wilayah Persekutuan dan saya dimaklumkan hampir-hampir 30% daripada cukai pendapatan negara dikutip di ibu negara ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Sila Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha.

5.28 *ptg.*

Puan Hajah Zaleha binti Hussin:

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan untuk saya membahaskan suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan di atas kesedaran kerajaan, terutama untuk memberi tambahan kepada Exco atau Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri daripada 8 kepada 10. Pada saya, ini adalah suatu perkara yang pada kerajaan persekutuan sebagai memberi hadiah kepada negeri-negeri kerana kejayaan Barisan Nasional yang telah pun mendapat kemenangan cemerlang dalam pilihanraya yang lalu.

Kejayaan Barisan Nasional dalam pilihanraya yang lalu adalah berdasarkan kepada sifat Barisan Nasional sendiri yang adil, yang memperimbangan pembangunan dunia dan akhirat, yang sentiasa membela rakyat di setiap lapisan, yang sentiasa menunjukkan sikap perpaduan dan persaudaraan serta meninggikan syiar Islam dan mewujudkan negara ini selamat dan sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya amat bergembira mendengar ucapan daripada seorang rakan yang telah memohon supaya dalam perlantikan Yang di-Pertua Dewan-dewan Negeri juga hendaklah diberi kepada wanita. Saya sebagai salah seorang Ahli Dewan Negara dari wanita amat merasa terhutang budi kepada rakan saya yang tersebut. Bagi menambah apa yang dipohon oleh rakan saya, Dato' K. Vijayanathan, saya jua ingin memohon supaya dalam penambahan Exco juga—dalam penambahan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri juga hendaklah jangan dilupakan kepada wanita.

Kerana kita jangan lupa peranan wanita dan jumlah pengundi wanita yang ada di seluruh negara tidak boleh dinafikan. Bahkan saya sedar ada di antara rakan-rakan kita, kaum lelaki di dalam Dewan ini memperakui jumlah ramainya kaum wanita di negara ini. (*Tepuk*) Penambahan ini hendaklah disedari oleh tiap-tiap Menteri Besar di tiap-tiap negeri. Walaupun begitu, dalam menyentuh Jadual 8 ini, iaitu dalam penambahan komposisi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri; kita ingin juga sepatutnyalah dalam hendak melantik seseorang Exco kita harus melihat kepada peranan Exco itu sendiri dan juga sifat-sifat yang perlu ada pada mereka yang akan menjadi ataupun yang akan dilantik sebagai Exco di dalam Dewan Negeri supaya Exco-exco yang dilantik itu benar-benar mempunyai kepimpinan yang disegani dan dihormati oleh seluruh lapisan rakyat.

Pertama, seseorang yang dilantik sebagai Exco itu perlulah seorang yang dedikasi, bertanggungjawab dan faham terhadap portfolio kepimpinannya. Yang kedua, seseorang Exco perlulah seorang yang mempunyai perancang yang baik dan bijaksana; dan yang ketiga saya ingin memberi pandangan iaitu seseorang Exco yang dilantik hendaklah mempunyai peranan yang sentiasa kaya dengan minda yang ingin memajukan bidang portfolio yang mereka sandang. Yang keempat, seseorang Exco hendaklah sentiasa dinamik dan progresif dalam memberi pembelaan kepada rakyat. Yang kelima, mereka hendaklah memahami tugas dan tanggungjawab mereka. Yang keenam, Ahli Exco hendaklah seorang ilmuwan yang sesuai dengan portfolio yang mereka pegang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, selain daripada penambahan komposisi Exco ini, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah mereka hanya dilantik ataupun ditambah sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sahaja tetapi tidakkah ada perancangan bagi pihak kerajaan untuk menambahkan peruntukan

kepada para Exco? Kerana saya difahamkan Exco bukan hanya menjaga Ahli Dewan atau menjaga Dewan Negeri yang mereka dipilih di dalam Dewan itu sahaja tetapi mereka juga berperanan untuk menjaga seluruh negeri. Oleh itu, peruntukan yang ada sekarang pada pandangan saya tidak begitu mencukupi untuk seseorang Exco itu bergerak ke setiap kawasan dalam negeri tersebut. Perlulah pada pihak kerajaan memikirkan suatu penambahan peruntukan kewangan juga kepada para Exco yang dilantik.

Di samping itu juga, saya ingin menyatakan juga di dalam Dewan ini bahawa Yang di-Pertua Dewan Negeri, selain daripada seorang yang adil dan sebagainya, saya amat berasa bangga dengan apa yang telah pun dikemukakan di Dewan ini bahawa kerajaan tidak mengikat bahawa Yang di-Pertua Dewan Negeri itu mesti dilantik daripada Ahli Dewan Negeri; dan ini menunjukkan sifat kerajaan Barisan Nasional yang mana tidak hanya tertakluk ataupun terikat kepada Ahli Dewan yang dipilih. Ini memberi luas bagi pihak kerajaan negeri untuk mencari mereka yang benar-benar sesuai untuk dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan apa yang telah pun saya perkatakan sebentar tadi, saya dengan ini memberi sokongan kepada suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan. Terima kasih.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail : Sila Yang Berhormat Tuan Haji Salleh bin Ali.

5.34 ptg.

Tuan Haji Salleh bin Ali: Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan dan bersama-sama membahas Akta ini kerana ini adalah suatu perubahan yang akan membangunkan sesebuah negeri. Dengan pindaan ini, pihak kerajaan negeri akan dapat membentuk satu

pasukan. bukan sahaja membentuk satu pasukan akan tetapi akan memantapkan lagi pentadbirannya dan dapat suatu pembahagian tugas yang mana pada masa ini Exco-exco kerajaan terlalu dibebankan dengan tugas dan tanggungjawab.

Maka dengan pindaan ini, dapatlah agihan tugas itu diberi, maka dapatlah Exco-exco yang dilantik ini menjalankan tugas dan tanggungjawabnya bagi menunaikan amanah yang telah diberi di dalam setiap pilihanraya. Di mana-mana negeri yang telah dibentangkan tadi terdapat enam orang Exco, tujuh orang Exco dan setinggi-tingginya lapan orang Exco. Kalau kita lihat di mana-mana negeri yang sedang membangun pada masa ini, beban dan tanggungjawab Exco itu amat berat.

Exco ini juga hendak menjalankan tugas dan tanggungjawab di dalam kawasan yang mana beliau ini mewakili. Exco ini juga akan menjalankan tugas dan tanggungjawab selaku seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Di peringkat negeri pun dia jaga, di peringkat kawasan pun dia jaga. Sebab itulah sebahagian besar Ahli-ahli Exco ini cepat naik darah tinggi, sakit jantung dan sebagainya, kerana beban kerja yang ditanggung olehnya.

Maka amat wajar sekali dengan pindaan ini bukan sahaja memberi tugas, di samping itu dapat melatih mana-mana Wakil Rakyat yang telah dipilih sama ada Wakil Rakyat ini terdiri daripada orang-orang muda ataupun orang-orang tua ataupun hampir tua macam saya ini diberi latihan. Diberi suatu tanggungjawab dan pendedahan supaya mereka ini dapat menjalankan amanah dan tanggungjawab yang telah diberi tanggungjawab oleh rakyat semasa pilihanraya.

Saya amat menyokong dengan pindaan ini dan saya amat menyokong saranan sahabat kita tadi yang mengatakan bahawa Exco-exco ini wajar dan patut diberi nama "Menteri Negeri" kerana ada negeri-negeri yang telah menamakan Exco ini Menteri

Negeri iaitu negeri Sabah dan Sarawak. Maka itu amat wajar supaya dapat diseragamkan. Jangan di Sabah dan Sarawak "Menteri Negeri", di negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor dan lain-lain "Exco". Jadi, satu negara berbeza namanya. Maka tidak ada kesinambungan yang sewajarnya. Sebab itulah untuk mencapai matlamat yang jitu, satu nama, satu pendapat, satu pemikiran dan satu pemahaman perlu diwujudkan. Jadi, saya sangat menyokong di atas saranan yang telah dikemukakan.

Saya juga amat menyokong di atas perantikan Yang di-Pertua Dewan terdiri daripada mereka yang bukan Ahli Dewan dan saya menyokong kesemuanya sama ada dilantik wanita ataupun lelaki, menunjukkan liberalnya saya dalam soal ini. Kerana perantikan yang dibuat, yang dicadangkan ini menunjukkan bahawa adanya kerajaan, bahawa kerajaan kita akan melantik seorang yang berkecuali. Di samping itu.....

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: (*Bangun*).

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Yang Berhormat, ada yang hendak minta laluan.

Tuan Haji Salleh bin Ali: Silakan.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Salleh bin Ali. Saya kurang jelas perkataan beliau tadi "menyokong perantikan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri lelaki atau wanita". Jadi, saya minta penjelasan apakah salahnya kalau disebut "wanita"? Tuan Yang di-Pertua, kalau disebut "wanita". Jadi, tidak disambung sedikit lagi. Terima kasih.

Tuan Haji Salleh bin Ali: Jadi bagi saya, wanita pun mengundi, lelaki pun mengundi, kedua-duanya mempunyai kesinambungan dan kerjasama, maka saya menyokong kesemuanya. Kalau dilantik

wanita pun saya sokong, lelaki pun saya sokong. Ini menunjukkan keadilan. Itu pandangan saya.

Jadi, dalam soal perlantikan Yang di-Pertua, bukan sahaja kita akan memilih orang yang mampu, orang yang berkebolehan dan kita kena memilih orang yang adil dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab, di samping itu memperkuatkan kerajaan yang sedia ada. Dengan menambah seorang ahli baru selaku Yang di-Pertua akan memperkuatkan mana-mana kerajaan yang sedia ada, yang telah dipilih itu. Ini adalah merupakan sesuatu yang terbaik, yang belum pernah kita lakukan lagi. Sepatutnya akta ini telah dipinda lama, akan tetapi baru dipinda. Walau bagaimanapun, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada kerajaan dalam meminda akta ini. Oleh itu, saya menyokong sepenuhnya di atas pindaan akta ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Sila Yang Berhormat Puan Kian Sit Har.

5.41 ptg.

Puan Kian Sit Har: Tuan Yang di-Pertua, akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan, perenggan 2 subseksyen (2)(b) dengan menggantikan perkataan "lapan" dengan perkataan "sepuluh" adalah tepat pada masanya. Ini memandangkan persempadanan kawasan pilihanraya telah diubah di mana bilangan kerusi Dewan Undangan Negeri telah bertambah di setiap negeri, maka bilangan anggota Exco yang kini seramai 8 orang adalah tidak mencukupi.

Dalam pilihanraya yang lalu Barisan Nasional telah mencapai kemenangan yang cemerlang. Rakyat telah memberikan sokongan yang kuat untuk Barisan Nasional menubuhkan kerajaan yang kukuh. Maka adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Barisan Nasional untuk memberikan

khidmat yang sebaik mungkin. Bilangan anggota Exco yang ada sekarang memang tidak mencukupi dalam usaha merangkumi segala bidang dan tugas. Diharapkan dengan penambahan bilangan anggota Exco ini dapat mendatangkan kesan yang baik kepada kerajaan dan rakyat. Anggota-anggota Exco harus benar-benar berperanan serta menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi.

Perlantikan jawatankuasa adalah satu tanggungjawab kepada orang yang menerimanya. Tugas Exco bukanlah sekadar melihat perkara-perkara ringan seperti masalah kebajikan dan sebagainya, malah ia seharusnya lebih menumpukan kepada tugas mengawas serta memastikan segala dasar-dasar kerajaan dijalankan dengan betul serta menjadi mata telinga kepada agensi-agensi kerajaan. Dengan cara ini, seseorang anggota Exco itu dapat berfungsi dan tidak lari daripada landasan asalnya. Mereka yang dilantik bagi jawatan ini haruslah daripada golongan yang berkaliber dan berpengetahuan luas dalam bidang-bidang yang ditentukan. Dengan cara ini, pindaan Perlembagaan ini barulah dapat membawa faedah kepada rakyat serta menepati tujuan dan matlamat pindaan tersebut.

Memang benar bahawa penambahan bilangan ahli Exco akan menambahkan beban kerajaan kerana kerajaan akan berbelanja lebih untuk menambahkan dua lagi ahli Exco kepada setiap negeri. Akan tetapi, penambahan ahli Exco ini perlu jika ia dapat melancarkan lagi pentadbiran negeri serta melancarkan projek-projek kerajaan dan mendatangkan faedah kepada rakyat.

Akhirnya, saya menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1995 diluluskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tak ada lagi Ahli-ahli yang hendak berucap? Tak ada. Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menggulung perbahasan.

5.45 ptg.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk K. Vijayanathan, Yang Berhormat Tuan Rahim Baba, Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha Hussin, Yang Berhormat Tuan Haji Salleh bin Ali dan Yang Berhormat Puan Kian Sit Har di atas mengambil bahagian dalam perbincangan atau perbahasan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini satu, dua isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Pertama, Yang Berhormat Datuk K. Vijayanathan dan kalau tak salah saya, Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha Hussin mencadangkan Yang Berhormat wanita-wanita diberi menjadi Speaker di Dewan-dewan Undangan Negeri, seperti Speaker House of Commons di England. Perkara perlantikan seorang wanita atau wanita Ahli-ahli Dewan Undangan di negeri-negeri menjadi Speaker Dewan Undangan Negeri, pada saya perkara ini tidak menjadi mustahil. Masa akan menentukan bahawa ini akan menjadi kenyataan. Kita dalam Barisan Nasional tidak mempunyai prejudis terhadap rakan seperjuangan kita yang terdiri daripada kaum-kaum wanita untuk menjadi Speaker, malah peluang terbuka untuk wanita pada satu hari kelak menjadi Menteri Besar ataupun Perdana Menteri Malaysia. (*Tepuk*) Bukan sahaja Pakistan ataupun Sri Lanka, United Kingdom dan India sahaja berhak boleh mengemukakan seorang wanita menjadi Perdana Menteri mereka, pada saya, kita apa kurangnya wanita di Malaysia pada satu hari kelak menjadi Perdana Menteri dan Menteri Besar di peringkat Negeri-negeri? (*Tepuk*) Jadi, ada chance undi lebih banyak lagi pada pilihanraya yang akan datang! (*Ketawa*)

Satu point lagi yang disentuh ialah berkenaan dengan istilah "Menteri Besar" dan "Ketua Menteri". Diharapkan bahawa penyelarasan dapat dibuat dengan istilah "Ahli-ahli Exco" di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan istilah "Ketua Menteri" dan "Cabinet System" di negeri Sarawak dan Sabah. Saya ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini bahawa sebelum wujudnya Malaysia, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, Kerajaan British ketika itu dan kerajaan mewakili Sarawak dan Sabah telah bersetuju untuk mewujudkan satu sistem pentadbiran Kabinet di negeri Sabah dan Sarawak. Oleh kerana perkara ini boleh dikatakan 'historical development' ataupun perkembangan sejarah, jadi sampai hari ini perkara tersebut telah berjalan seperti yang diluahkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Tetapi saya ingin menyebutkan di sini bahawa kita akan mengambil perhatian yang serius atas cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan istilah "Ketua Menteri" atau "Menteri Besar" atau "Cabinet System" dan permintaan untuk penyelarasan di antara Sabah/Sarawak dengan Semenanjung Malaysia. Tetapi saya ingin hendak menggunakan satu perkataan Inggeris yang mengatakan, "a rose is a rose by any other name, it's still a rose" (*Ketawa*) tetapi itu menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan di antara Ketua Menteri dan Menteri Besar.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja isu-isu yang saya dapat sentuh berkenaan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Oleh sebab mengikut peruntukan Perkara 159(3) Perlembagaan, dalam Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1995 memerlukan sokongan kepada bacaan kali yang kedua dengan undi sebanyak tidak kurang daripada 2/3 jumlah bilangan ahli Majlis Dewan ini. Maka saya mengemukakan masalah itu bagi diputuskan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan satu cadangan yang berbunyi: "Saya minta diadakan belahbahagi."

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana ada permintaan untuk berbelahbahagi, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 45(4) saya minta tidak kurang dari 8 orang ahli bangun.

(Lebih daripada 8 orang Ahli bangun)

Saya memerintahkan supaya satu belahbahagi diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

Dewan berbelahbahagi.

*(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat penghitung-penghitung undi, sila ambil tempat di hadapan blok masing-masing.

Undian dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah keputusannya. Ahli-ahli Yang Bersetuju 49; Yang Tidak Bersetuju: Tiada; Yang Tidak Mengundi: Tiada. Jadi, ini bermakna lebih 2/3 undi

yang bersetuju. (*Tepuk*) Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diluluskan sekarang.

Yang Bersetuju.

1. Datuk Chong Kah Kiat
2. Tan Sri Dato' G. Vadiveloo a/l Govindasamy
3. Datuk David Yeoh Eng Hock
4. Datuk K. Vijayanathan a/l Keseva Pillai
5. Dato (Ir) Ng Thian Hock
6. Tuan Itam Wali bin Nawan
7. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang
8. Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong
9. Datuk Johan B.O.T. Ghani
10. Tuan Rahim bin Baba
11. Tuan Ding Seling
12. Puan Hajah Zaleha binti Hussin
13. Tuan Saad bin Haji Man
14. Tuan Michael Bong Thiam Joon
15. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin
16. Puan Hajah Rahaiah binti Baهران
17. Puan Sri Sarasa Pasamanickam
18. Dato' Soong Siew Hoong
19. Tuan Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad
20. Tuan Frankie Chong Yu Chee
21. Tuan Isli bin Haji Siput
22. Puan Hajah Selemiah binti Hashim
23. Dato' Zainol Abidin bin Johari
24. Tuan Janggu Anak Banyang
25. Tuan Haji Othman bin Yunos
26. Dato' V.K.K. Teagarajan
27. Puan Mastika Junaidah binti Husin
28. Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud

29. Tuan Shuib bin Endut
30. Tuan Abdul Rashid bin Ismail
31. Tuan Ibrahim bin Daud
32. Puan Hajah Rahmah binti Salleh
33. Puan Kelsom binti Yaacub
34. Tuan Tan Son Lee
35. Tuan Ng See Tiong
36. Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali
37. Dr. Ng. Yen Yen
38. Tuan Saidin bin Mohamad
39. Tuan Haji Dol bin Dolah
40. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros
41. Tuan Chong Chi Siong @ Chong Fah
42. Tuan Low Kai Meng
43. Tuan Hanipah bin Ahmad
44. Puan Kian Sit Har
45. Tuan M. Zeevil @ Shanmugam a/l R.M.S.
46. Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad
47. Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan
48. Dato' Ting Check Sii
49. Tuan Kan Kok Kwan

Yang Tidak bersetuju:

Tiada

Yang Tidak Mengundi:

1. Puan Hajah Habshah binti Haji Osman
2. Puan Kalthom binti Haji Othman

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan telah ditimbangan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Chong Kah Kiat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga sekarang dan oleh sebab mengikut peruntukan Perkara 159(3) Perlembagaan, Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1995 ini memerlukan sokongan kepada bacaan kali yang ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini. Maka saya mengemukakan masalah bagi diputuskan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta diadakan undi belahbahagian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana ada permintaan untuk belahbahagian, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 45(4), saya minta tidak kurang daripada 8 orang Ahli bangun.

(Lebih daripada 8 orang Ahli bangun)

Saya memerintahkan supaya satu belahbahagian diadakan sekarang. Setiausaha, sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

Dewan berbelahbahagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat penghitung-penghitung undi, sila mengambil tempat di hadapan blok masing-masing.

Pengundian dijalankan.

Tuan Yang di-Peruta: Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah keputusannya. Ahli-ahli yang bersetuju ialah 50; (*Tepuk*) yang tidak bersetuju: Sifar. Yang tidak mengundi: Sifar. Lebih dua pertiga undi yang bersetuju. Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Yang Bersetuju:

1. Datuk Chong Kah Kiat
2. Tan Sri Dato' G. Vadiveloo a/l Govindasamy
3. Datuk David Yeoh Eng Hock
4. Datuk K. Vijayanathan a/l Keseva Pillai
5. Dato' (Ir) Ng Thian Hock
6. Tuan Itam Wali bin Nawan
7. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang
8. Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong
9. Datuk Johan B.O.T. Ghani
10. Tuan Rahim bin Baba
11. Tuan Ding Seling
12. Puan Hajah Zaleha binti Hussin
13. Tuan Saad bin Haji Man
14. Tuan Michael Bong Thiam Joon
15. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin
16. Puan Hajah Rahaiah binti Baهران
17. Puan Sri Sarasa Pasamanickam
18. Dato' Soong Siew Hoong
19. Tuan Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad
20. Tuan Frankie Chong Yu Chee
21. Tuan Isli bin Haji Siput
22. Puan Hajah Selemiah binti Hashim
23. Dato' Zainol Abidin bin Johari
24. Tuan Janggu Anak Banyang
25. Tuan Haji Othman bin Yunos
26. Dato' V.K.K. Teagarajan
27. Puan Mastika Junaidah binti Husin
28. Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud
29. Puan Hajah Habshah binti Haji Osman
30. Tuan Shuib bin Endut
31. Tuan Abdul Rashid bin Ismail
32. Tuan Ibrahim bin Daud
33. Puan Hajah Rahmah binti Salleh
34. Puan Kelsom binti Yaacob
35. Tuan Tan Son Lee
36. Tuan Ng See Tiong
37. Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali
38. Dr. Ng. Yen Yen
39. Tuan Saidin bin Mohamad
40. Tuan Haji Dol bin Dolah
41. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros
42. Tuan Chong Chi Siong @ Chong Fah
43. Tuan Low Kai Meng
44. Tuan Hanipah bin Ahmad
45. Puan Kian Sit Har

46. Tuan M. Zeevil @ Shanmugam a/l R.M.S.
47. Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad
48. Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan
49. Dato' Ting Check Sii
50. Tuan Kan Kok Kwan

Yang tidak bersetuju

Tiada

Yang tidak mengundi

1. Puan Kalthom binti Haji Othman

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.01 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Kastam 1997 dibaca kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, di sini, saya mohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini. Akta Kastam 1967 ialah undang-undang yang mentadbir dan mengawal pungutan cukai Kastam di mana pelaksanaan Akta ini diper-tanggungjawabkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja. Tujuan utama Akta ini ialah untuk memungut hasil untuk kerajaan, dan dalam pelaksanaan fungsi ini Akta tersebut mengenakan kawalan-

kawalan tertentu dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Oleh itu, adalah penting supaya peruntukan-peruntukan Akta ini dipinda dari masa ke semasa melaksanakan langkah-langkah terbaru yang diperkenalkan bagi maksud untuk memudahkan pelaksanaan kegiatan perdagangan dan perindustrian serta untuk mengatasi apa-apa kelemahan yang terdapat di dalamnya.

Syarat amnya cadangan pindaan kepada Akta Kastam 1997 adalah berdasarkan sebab-sebab berikut:

- (i) perlu disesuaikan dan perkembangan-perkembangan semasa, terutamanya untuk mengambil kira perkembangan-perkembangan terbaru dalam bidang pentadbiran cukai-cukai itu;
- (ii) dari segi kawalan hasil, beberapa peruntukan perlu diperketatkan serta diperjelaskan untuk membolehkan kawalan hasil lebih berkesan;
- (iii) beberapa peruntukan perlu dipermudahkan bagi pihak awam dalam urusan-urusan mereka berkaitan cukai-cukai itu;
- (iv) beberapa tambahan juga perlu dimasukkan untuk mengatasi kekurangan yang didapati dalam akta-akta itu;

Fasal 2, bertujuan meminda takrif "inland clearance depot" dengan memotong perkataan "in transit" untuk tidak menghadkan aktiviti-aktiviti depot kepada pengendalian dan pensetoran sementara barang-barang dalam transit sahaja, tetapi juga untuk membenarkan pelepasan barang-barang di depot.

Fasal 3, bertujuan meminda subseksyen 3(3) Akta untuk menggantikan perkataan "Seksyen" dengan "Seksyen 13B". Ini adalah suatu pindaan berbangkit yang perlu disebabkan oleh kemasukan seksyen baru 13B.

Fasal 4, bertujuan memasukkan seksyen baru 8A untuk memberi menteri kuasa untuk menetapkan pakaian seragam, tanda pangkat, kad kuasa dan lencana bagi pegawai kastam.

Fasal 5A, bertujuan meminda Seksyen 9 Akta untuk menghendaki seseorang pegawai kastam mengemukakan apabila diminta selain daripada kad kuasa, apa-apa lencana sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah untuk dibawa oleh pegawai itu.

Fasal 5B bertujuan mengadakan peruntukan bagi penyerahan balik lencana dan kad kuasa seorang pegawai kastam apabila dia terhenti jadi pegawai kastam atau apabila diarahkan berbuat demikian.

Fasal 6 bertujuan memasukkan seksyen baru 9A untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi seorang untuk memakai, menggunakan, memiliki atau memperagakan dengan menyalahi undang-undang satu pakaian seragam, lencana atau kad kuasa yang ditetapkan, melainkan dalam satu persembahan teater.

Fasal 7 bertujuan memotong subseksyen 11(6) dan menempatkan semula sebagai subseksyen baru 22B melalui Fasal 10.

Dalam proses menentukan duti Kastam yang boleh dilevi ke atas barang-barang, pegawai kastam yang berhak hendaklah antara lain menentukan kelas barang-barang yang dalamnya barang-barang berduti atau tak berkastam itu termasuk.

Fasal 8 bertujuan meminda subseksyen 13(1) untuk membolehkan pegawai kastam berhak bukan sahaja untuk menilaikan barang-barang, tetapi juga untuk mengelaskannya.

Fasal 9 bertujuan memasukkan dua peruntukan baru. Seksyen 13A yang dicadangkan bertujuan untuk membolehkan orang yang tidak berpuas hati

dengan suatu pengelasan atau penilaian membayar duti kastam dengan bantahan. Seksyen 13B yang dicadangkan bertujuan membolehkan Ketua Pengarah membuat keputusan mengenai apa-apa soalan tentang pengelasan yang dirujuk kepadanya.

Fasal 10, bertujuan memasukkan dua peruntukan baru. Seksyen 22A yang dicadangkan bertujuan memperuntukkan bahawa jika Ketua Pengarah telah membuat satu keputusan di bawah Seksyen 13B atau 22, maka pengemukakan satu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah berkenaan dengan keputusan itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dan hendaklah menjadi keterangan yang mencukupi mengenai fakta-fakta yang dinyatakan di dalamnya tanpa perlu memanggil Ketua Pengarah untuk memberi keterangan dalam mahkamah. Seksyen 22B pula merupakan pernyataan semula subseksyen 11(6) yang dipotong dalam Fasal 7.

Fasal 11, bertujuan meminda Seksyen 129 untuk membolehkan Ketua Pengarah mengarahkan bayaran dibuat sebelum barang-barang atau amaun yang dilucuthak dihantar dihantarserah atau dibayar balik kepada pemunya atau orang yang berhak kepada barang-barang atau amaun itu.

Fasal 12, bertujuan meminda Seksyen 131 Akta untuk menambah amaun kompaun yang boleh diterima berkenaan dengan hal di bawah perenggan (a), (b), (c), (d) dan (e) subseksyen 135(1). Amaun kompaun yang boleh diterima hendaklah satu jumlah wang tidak kurang daripada dua kali ganda dan tidak lebih daripada 10 kali ganda duti kastam.

Fasal 13, bertujuan meminda Seksyen 138 Akta bagi memperuntukkan bahawa apa-apa pelanggaran syarat dan sekatan suatu pengecualian yang diberikan adalah menjadi satu kesalahan. Penalti juga telah

dinaikkan daripada satu denda tidak melebihi RM5,000 atau kepada denda tidak melebihi RM10,000. Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Saya mohon mencadangkan.

Menteri di-Jabatan Perdana Menteri (Datuk Chong Kah Kiat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Kastam 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tuan Rahim bin Baba.

6.08 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana diberikan kesempatan kepada saya untuk membincangkan dan seterusnya menyokong akta yang dinamakan Akta Kastam (Pindaan) 1995.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi terdapat 13 Fasal yang akan dipinda ataupun diperketatkan lagi untuk ianya selaras dengan perkembangan yang berlaku pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Fasal 8 dan Fasal 9, di mana Seksyen 13A yang dicadangkan bertujuan membolehkan orang yang tidak berpuas hati dengan sesuatu pengelasan atau penilaian membayar duti kastam dengan bantahan, di mana Seksyen 13B yang dicadangkan bertujuan membolehkan Ketua Pengarah membuat keputusan mengenai apa-apa soalan tentang pengelasan yang dirujuk kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah pengelasan barang-barang yang dibawa masuk ataupun penilaian adalah menjadi satu perbalahan yang selalu berlaku di antara pegawai-pegawai kastam dan juga pengimport-pengimport.

Perkara ini tidak ketara sangat apabila seorang pengimport membeli barang-barang yang baru dari luar negara dan juga mengimport daripada pengeksport yang ternama dan juga bertanggungjawab kerana dari segi pengelasan dan juga penilaian dianya boleh dibuat dari segi bil-bil ataupun inois yang dikeluarkan oleh pihak pengeksport daripada sebuah negara asal.

Tetapi biasanya masalah akan timbul apabila sesuatu barang itu adalah barang "second hand" ataupun bahan-bahan terpakai yang diimport ke negara ini, biasanya pihak-pihak yang ingin mencari keuntungan memanglah mereka yang berada dalam perniagaan sentiasa untuk mencari keuntungan dan dengan sedaya upayanya cuba membayar sedikit mungkin cukai yang akan dikenakan. Biasanya apa yang telah pun berlaku ialah pihak pengeksport ataupun pihak pengimport akan mendapatkan ataupun harga yang ditunjukkan di dalam bil yang diserahkan kepada pihak kastam bukanlah merupakan bil yang sebenar, biasanya di sinilah berlaku perbalahan dan juga percanggahan di antara pihak kastam dan juga pihak pengimport yang berkenaan.

Jadi, di sini kita berharap supaya pihak Ketua Pengarah yang diberikan kuasa mutlak untuk membuat sesuatu keputusan biasanya di sinilah akan berlakunya penyalahgunaan kuasa ataupun di sinilah akan berlaku kalau ada ura-ura untuk mencari kesempatan-kesempatan tertentu oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Saya berharap supaya pihak kerajaan melihat tentang kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah yang disebutkan.

kalau dapat, kadangkala pengimport-pengimport ini dapat berbaik-baik dengan Ketua-ketua Pengarah Kastam kemungkinannya, oleh kerana Ketua Pengarah mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu, kemungkinannya beliau boleh membuat keputusan dan keputusan beliau tidak ada akta yang mengatakan bahawa keputusan beliau boleh dipersoalkan ataupun pihak yang tidak berpuas hati boleh merujuk kepada pihak menteri ataupun kepada pihak-pihak yang lain.

Saya berharap supaya perkara ini dapat dilihat dan diperhatikan oleh pihak kementerian kerana berlaku keadaan-keadaan di mana bahan yang sama kadang-kadang barang yang sama mempunyai penilaian yang berlainan khasnya barang-barang yang terdiri daripada barang terpakai yang diimport dari negara-negara lain. Begitu juga kadangkalanya berlaku juga barang-barang yang baru pun ianya juga boleh disalah gunakan seperti mana yang telah pun saya katakan tadi, pihak yang mengimport akan mendapatkan bil yang kurang untuk memastikan mereka membayar cukai yang berkurangan.

Jadi, saya berharap pegawai-pegawai kastam tidaklah hanya tertumpu kepada penilaian ataupun tertumpu kepada harga yang ditetapkan oleh pihak pengimport ataupun oleh bil-bil yang dikeluarkan oleh pengeksport-pengeksport daripada luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pihak Kementerian Kewangan dan juga pihak kerajaan mempunyai cara-cara lain bagaimana hendak membanteras kegiatan-kegiatan di mana sesuatu barang itu diberikan penilaian yang rendah. Tentunya pihak kerajaan ataupun Kementerian Kewangan boleh melihat harga jualan yang dijual oleh pengimport-pengimport ini dan dari situ boleh dikira berapa harga sebenar yang telah pun dibayar oleh pengimport-pengimport ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini juga kita berharap supaya pegawai-pegawai kastam yang membuat penilaian-penilaian dan juga pengelasan-pengelasan ini diberikan maklumat yang terkini, mereka ini hendaklah dari masa ke semasa dihantar untuk menghadiri kursus-kursus ataupun untuk mendapatkan penerangan-penerangan.

Baru-baru ini kita terbaca di dalam akhbar-akhbar di mana banyak bahan barang-barang ataupun alat untuk mengesan "speed trap" yang digunakan oleh setengah-setengah pemandu untuk mengetahui adanya "speed trap" yang dijalankan oleh pihak polis, kadang-kadang saya pun bertanya, adakah pegawai-pegawai kastam ini sendiri kenal ataupun tahu bahan-bahan atau barang-barang yang dipergunakan oleh mereka ini.

Ini berkemungkinan pegawai-pegawai kastam sendiri tidak mengetahui akan barang-barang yang digunakan ataupun alat-alat yang digunakan untuk mengesan apa-apa sahaja rancangan "speed trap" yang dibuat oleh pihak polis yang dipasang oleh mereka yang melarikan kereta dengan lajunya. Kalau tidak, tentunya alat-alat ini tidak dapat dibawa masuk ke negara kita ini dengan sebegitu mudahnya, dengan sewenang-wenangnya, alat-alat yang saya katakan tadi telah pun dibawa masuk dan digunakan di negara kita ini.

Jadi, kita hendaklah dari masa ke semasa mendedahkan pegawai-pegawai kastam kita supaya mereka tahu alat-alat yang canggih, alat-alat yang baru yang berada di dalam pasaran, supaya mereka tahu membuat pengelasan ataupun saya agak dalam bahasa Inggerisnya "classification", dengan izin, akan barang-barang yang dibawa masuk ke dalam negara kita ini.

Dengan adanya latihan-latihan yang telah pun saya katakan tadi, dengan adanya

pendedahan-pendedahan yang diberikan. saya percaya pegawai-pegawai kastam kita akan dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih baik dan juga dengan lebih teratur dan juga pada masa yang sama dapat menambahkan lagi pendapatan kerajaan dan juga dapat mengenal pasti mereka yang ingin mengambil kesempatan untuk membawa peralatan-peralatan yang tidak boleh digunakan di negara kita ini dan di samping itu juga dapat mengenal pasti pengimport-pengimport yang ingin mengambil kesempatan dari segi pembayaran cukai.

Saya percaya, pihak Kementerian Kewangan tentunya di samping memberikan kuasa mutlak kepada Ketua Pengarah Kastam untuk membuat keputusan mengenai apa-apa soalan mengenai pengelasan yang dirujukkan kepadanya tentunya mempunyai

mekanisme bagaimana caranya untuk mengawasi supaya tidak berlaku penyalahgunaan kuasa, tidak berlaku adanya pihak-pihak yang mengambil kesempatan daripada kuasa yang terdapat kepada seseorang Ketua Pengarah yang telah pun.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rahim, sila sambung esok.

Tuan Rahim bin Baba: Oh! Sudah habis.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.